

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

PELAN STRATEGIK JAKIM 2026-2030

www.islam.gov.my



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

PELAN STRATEGIK JAKIM

2026 – 2030

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

www.islam.gov.my
Cetakan Pertama, 2026
© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2026

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2026 – 2030

Diterbitkan Oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 Putrajaya

Telefon: 03-8870 7000
Faks: 03-8870 7003
E-mel: ukk@islam.gov.my

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-983-042-740-9

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia
eISBN 978-983-042-741-6

PERUTUSAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

SEJUNJUNG AMANAH
SETULUS KHIDMAT

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda seluruhnya. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berjaya merangka dan meluncurkan Pelan Strategik JAKIM 2026–2030 sebagai panduan hala tuju pengurusan hal ehwal Islam peringkat Persekutuan untuk tempoh lima tahun akan datang.

Dalam mendepani arus globalisasi, perkembangan teknologi, serta cabaran sosial dan nilai yang semakin kompleks, Malaysia tetap teguh memperkukuhkan kerangka pentadbiran Islam yang inklusif, progresif dan bersendikan nilai-nilai syariah. Prinsip Islam mekar di bumi Malaysia menjadi iltizam kerajaan untuk memastikan Islam berkembang subur sebagai rahmat, membimbing pembangunan insan, dan menyumbang secara aktif kepada kemajuan negara.

Pelan strategik ini adalah manifestasi kesungguhan JAKIM selaku agensi peneraju hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan untuk meneroka pendekatan baharu, memperkasa tadbir urus yang cekap, dan menjana solusi Islamik terhadap isu-isu semasa masyarakat. Ia dibangunkan secara kolaboratif, mengambil kira pandangan pelbagai pihak berkepentingan daripada institusi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri, tokoh ilmuwan, hingga ke akar umbi masyarakat.

Saya yakin pelan ini akan menjadi pemangkin kepada pengukuhan identiti dan jati diri ummah, memperluas agenda dakwah yang penuh hikmah, dan memacu inovasi dalam penyampaian perkhidmatan Islam secara holistik dan berimpak tinggi. Marilah kita sama-sama menjadikan Pelan Strategik JAKIM 2026–2030 ini sebagai kompas perjuangan dalam mengangkat maqasid syariah dan memartabatkan Islam sebagai tunjang kemakmuran negara.

Yang Berhormat Senator Dr. Zulkifli bin Hasan
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Hal Ehwal Agama)

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

SELAYANG PANDANG SETEGUH VISI

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah SWT atas limpah kurnia dan hidayah-Nya, serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, pemimpin umat dan pembawa rahmat bagi sekalian alam.

Pelan Strategik JAKIM 2026–2030 digarap sebagai dokumen hala tuju institusi yang bersifat strategik, berfakta dan berpandangan jauh. Ia menggariskan rangka tindakan yang jelas untuk memposisikan JAKIM sebagai peneraju pengurusan dan pembangunan hal ehwal Islam di Malaysia, selaras dengan mandat sebagai agensi penyelaras dasar hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan dan slogan JAKIM untuk ummah.

Dalam tempoh perancangan lima tahun akan datang, tumpuan JAKIM adalah untuk mempertingkat keberkesanan tadbir urus hal ehwal Islam, memperkukuh fungsi dasar dan pemantauan, serta meneroka pembaharuan dalam sistem penyampaian perkhidmatan Islam melalui pendekatan digital, inklusif dan berpaksikan maqasid syariah.

Menyedari bahawa kejayaan pelaksanaan pelan ini amat bergantung kepada kerjasama strategik antara agensi Persekutuan, Negeri, institusi agama, akademia, masyarakat serta sektor industri, maka pendekatan pelaksanaan yang dipilih adalah berbentuk kolaboratif, bukannya silo; berpaksikan sinergi, bukannya persaingan.

Pelan ini juga menzahirkan tekad JAKIM untuk terus beradaptasi dengan cabaran semasa dan mendatang sama ada dalam bidang halal, penyelidikan, penyelarasan undang-undang syariah, pembangunan modal insan, atau penyelarasan dasar-dasar negara yang menyentuh kepentingan umat Islam.

Saya merakamkan penghargaan kepada semua warga JAKIM, ahli Pasukan Petugas *(Task Force)* Strategik, para pakar dan rakan kolaboratif yang telah menyumbang kepada pembangunan pelan ini. Semoga ia menjadi dokumen rujukan utama dalam menggerakkan perubahan yang bermakna, berimpak dan mampan demi kemaslahatan ummah dan negara.

Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik JAKIM 2026–2030 merupakan dokumen perancangan induk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang menggariskan visi, misi, teras strategik dan inisiatif utama bagi tempoh lima tahun akan datang. Ia dirangka sebagai landasan hala tuju untuk memperkukuh peranan JAKIM sebagai peneraju pengurusan dan pembangunan hal ehwal Islam di Malaysia, serta penyelaras dasar Islam negara yang progresif, responsif dan berpaksikan maqasid syariah.

Pelan ini dibangunkan melalui pendekatan berasaskan bukti (*evidence-based*), dapatan analitikal serta libat urus menyeluruh bersama pemegang taruh dari pelbagai sektor termasuk agensi kerajaan, pihak berkuasa agama negeri, institusi akademik, badan industri dan badan bukan kerajaan. Ia juga mengambil kira penyelarasan dengan dasar-dasar nasional seperti Rancangan Malaysia Ke-13, Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam.

Kesemua teras ini dipandu oleh prinsip integrasi nilai Islam, keberkesanan penyampaian dan kelestarian impak. Pelan ini turut dilengkapi dengan mekanisme pemantauan dan penilaian prestasi berdasarkan indikator utama (KPI) serta semakan berkala bagi memastikan setiap inisiatif sentiasa relevan, dinamik dan berorientasikan hasil.

Pelan ini disusun secara komprehensif merangkumi lima bab utama, iaitu Bab 1: Pengenalan yang menjelaskan latar belakang dan asas pembentukan JAKIM; Bab 2: Hala Tuju Strategik yang menggariskan visi, misi dan objektif strategik; Bab 3: Teras Strategik yang menumpukan 5 teras yang menjadi bidang keutamaan JAKIM; Bab 4: Faktor Kejayaan yang mengenal pasti pemacu utama keberhasilan; serta Bab 5: Kesimpulan yang merumuskan hala tuju dan komitmen pelaksanaan secara menyeluruh.

Secara tuntas, Pelan Strategik JAKIM 2026–2030 adalah dokumen yang mendukung cita-cita besar untuk memperkasa pengurusan sistem hal ehwal Islam negara secara menyeluruh menuju pembinaan Malaysia Madani yang harmoni, berintegriti dan dirahmati.

Sebanyak lima (5) teras strategik telah digariskan sebagai tunjang kepada pelaksanaan pelan ini:

1	**TERAS 1**	MEMPERKASAKAN PERUNDANGAN ISLAM SECARA INKLUSIF
2	**TERAS 2**	MEMPERKASAKAN KUALITI TADBIR URUS
3	**TERAS 3**	MENGANTARABANGSAKAN PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM
4	**TERAS 4**	MENERAJU ISLAH DAN JARINGAN STRATEGIK
5	**TERAS 5**	MEMPERKASAKAN EKOSISTEM SOSIOEKONOMI UMMAH

Teras 2

MEMPERKASAKAN KUALITI TADBIR URUS

Teras 4

MENERAJU ISLAH DAN JARINGAN STRATEGIK



Teras 1

MEMPERKASAKAN PERUNDANGAN ISLAM SECARA INKLUSIF

Teras 3

MENGANTARABANGSAKAN PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM

Teras 5

MEMPERKASAKAN EKOSISTEM SOSIOEKONOMI UMMAH

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN i
- YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

PERUTUSAN ii
- Ketua Pengarah

RINGKASAN EKSEKUTIF iii - iv

BAB 1: PENGENALAN 1-8
- Latar Belakang dan Sejarah Penubuhan
- Punca Kuasa
- Fungsi dan Objektif
- Pihak Berkepentingan
- Struktur Organisasi

BAB 2: HALA TUJU STRATEGIK 9-32
- Visi
- Misi
- Slogan
- Kerangka Strategik
- Nilai Bersama
- Analisis Persekitaran dan Cabaran Semasa



ISI KANDUNGAN

BAB 3: TERAS STRATEGIK 33-42

- **Teras 1:** Memperkasakan Perundangan Islam Secara Inklusif
- **Teras 2:** Memperkasakan Kualiti Tadbir Urus
- **Teras 3:** Mengantarabangsakan Pengurusan Hal Ehwal Islam
- **Teras 4:** Meneraju Islah dan Jaringan Strategik
- **Teras 5:** Memperkasakan Ekosistem Sosioekonomi Ummah

BAB 4: FAKTOR KEJAYAAN 43-60

- Kepimpinan dan Komitmen Pengurusan Tertinggi
- Tadbir Urus Mampan dan Modal Insan Berdaya Saing
- Pendigitalan Bersepadu dan Inovasi Dinamik
- Jaringan Strategik dan Penglibatan Kolektif

BAB 5: KESIMPULAN 61-63

- Penutup
- Glosari

PELAN STRATEGIK JAKIM 2026 - 2030



BAB 1

PENGENALAN

- Latar Belakang dan Sejarah Penubuhan
- Punca Kuasa
- Fungsi dan Objektif
- Pihak Berkepentingan
- Struktur Organisasi

1969 JAKIM BERMULA SEBAGAI SEKRETARIAT MKI















SEJARAH PENUBUHAN

PENUBUHAN

Penubuhan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam landskap pentadbiran negara merupakan suatu langkah strategik yang signifikan. Peruntukan Perlembagaan Persekutuan meletakkan hal ehwal Islam di bawah bidang kuasa negeri. Sehubungan itu, keperluan untuk menubuhkan sebuah organisasi khusus di peringkat Persekutuan menjadi penting bagi menyelaras dan memperkukuh tadbir urus Islam secara menyeluruh.

PENGLIBATAN

Penglibatan Kerajaan Persekutuan dalam penyelarasan urusan pentadbiran hal ehwal Islam bermula apabila Majlis Raja-Raja dalam persidangannya yang ke-81 pada 17 Oktober 1968 telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah badan khas bagi menyelaras pentadbiran agama Islam di seluruh negara.

PENUBUHAN MKI

Badan ini secara rasmi ditubuhkan pada 1 Julai 1969 dengan nama Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Barat. Selaras dengan kemasukan Sabah dan Sarawak sebagai ahli, nama badan ini kemudiannya ditukar kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 17 Jun 1971.

URUS SETIA MKI

Seiring dengan penubuhan MKI, sebuah urus setia khas turut diwujudkan bagi menyokong pelaksanaan dasar dan keputusan Majlis tersebut. Pada peringkat awal, urus setia ini beroperasi di Pejabat Perdana Menteri dan kemudiannya melalui proses pengukuhan selaras dengan keperluan semasa negara. Pada 1 Februari 1974, Urus Setia MKI telah dinaik taraf sebagai Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri.

PENGUKUHAN FUNGSI

Bagi memperkukuh lagi fungsinya, bahagian ini telah ditukar namanya pada 21 Mei 1985 kepada Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri. Seterusnya, pada 1 Januari 1997, selaras dengan aspirasi nasional dan keperluan memperkasa institusi Islam di peringkat persekutuan, BAHEIS telah dinaik taraf sebagai sebuah jabatan rasmi dengan nama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri.

PUNCA KUASA

01 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERKARA 3 (1), (2) dan (5)
(Agama Bagi Persekutuan)

Islam adalah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan.

PERKARA 12(2)
(Hak berkenaan dengan pendidikan)

JADUAL KESEMBILAN
(Senarai II - Senarai Negeri)

02 PERATURAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM MALAYSIA (MKI)

PERKARA 2
(Keanggotaan Majlis)

PERKARA 6
(Fungsi Majlis)

PERKARA 7
(Penubuhan Jawatankuasa)

03 AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

AKTA 505
(Pentadbiran Undang-Undang Islam)

PUNCA KUASA PENTADBIRAN







FUNGSI

Fungsi JAKIM merangkumi usaha memperkasakan dan menyelaras perundangan Islam, menyelaras pengurusan hal ehwal Islam dan memperkukuh pendidikan agama Islam. Semua ini membantu memantapkan sistem hal ehwal Islam demi kesejahteraan masyarakat.

Perundangan Islam	Pengurusan Hal Ehwal Islam	Pendidikan Agama Islam
Memperkasakan dan menyelaras perundangan Islam secara inklusif berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Maqasid Syariah.	Menyelaras pengurusan hal ehwal Islam secara holistik, cekap dan berintegriti demi kesejahteraan ummah.	Memperkukuh pendidikan agama Islam bagi melahirkan generasi berilmu, berakhlak dan sejahtera.

OBJEKTIF

Objektif JAKIM menumpukan kepada memastikan ajaran Islam tersebar dengan betul, melahirkan kepimpinan berkualiti dan membina sistem pengurusan beretika. Matlamatnya ialah memastikan perkhidmatan Islam lebih teratur, berkesan dan memberi manfaat kepada ummah.

Memastikan ajaran Islam tersebar luas kepada masyarakat.	Membentuk kepimpinan yang berwibawa dan melahirkan tenaga pengurusan yang terlatih, berketerampilan, dedikasi dan berhikmah.	Menghasilkan sistem pengurusan yang berteraskan nilai dan etika Islam.

PIHAK BERKEPENTINGAN

Pihak berkepentingan JAKIM merangkumi semua individu, institusi dan organisasi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam hal ehwal Islam di Malaysia. Mereka terdiri daripada pemegang taruh yang menentukan hala tuju dasar, rakan strategik yang membantu pelaksanaan melalui kepakaran dan kerjasama, serta pelanggan yang menerima manfaat perkhidmatan JAKIM. Kesemua pihak ini berperanan penting memastikan urus tadbir Islam lebih teratur, berkesan dan memenuhi keperluan masyarakat.

01

PEMEGANG TARUH

Pemegang taruh JAKIM adalah Menteri, Timbalan Menteri, Pengurusan Tertinggi JAKIM, Bahagian-bahagian di JAKIM, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI), Majlis/ Jabatan Agama Islam Negeri (MAIN/JAIN), kementerian dan jabatan yang berkaitan.

02

RAKAN STRATEGIK

Rakan strategik JAKIM adalah institusi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri, institusi akademik dan penyelidikan, sektor industri dan swasta, dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di peringkat nasional dan antarabangsa.

03

PELANGGAN

Pelanggan JAKIM ialah individu, komuniti Islam dan bukan Islam, institusi dan organisasi yang berkaitan serta sektor industri di dalam mahupun di luar negara.

STRUKTUR ORGANISASI



BAB 2
HALA TUJU STRATEGIK

- Visi
- Misi
- Slogan
- Kerangka Strategik
- Nilai-nilai Bersama
- Analisis Persekitaran dan Cadangan Semasa

VISI DAN MISI

VISI

Peneraju Pembangunan dan Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia

MISI

Memperkukuh Tadbir Urus Melalui Pembangunan Dan Pengurusan Hal Ehwal Islam Ke Arah Kesejahteraan Ummah

SLOGAN

JAKIM UNTUK UMMAH

VISI

Visi JAKIM memimpin hal ehwal Islam negara melalui tadbir urus kukuh, digitalisasi, perpaduan ummah, pengantarabangsaan dan pembangunan modal insan berteraskan lima teras strategik.

Peneraju Pembangunan dan Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia

1. MAKSUD VISI DALAM KONTEKS JAKIM

Visi " Peneraju Pembangunan dan Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia" membawa maksud bahawa JAKIM bukan sekadar berfungsi sebagai agensi pentadbiran, tetapi sebagai institusi nasional yang memimpin hala tuju Islam di negara ini. Kepimpinan ini merangkumi aspek perundangan syariah, tadbir urus, dakwah, pendidikan, halal, pembangunan sosioekonomi ummah serta hubungan antarabangsa. Dalam era digital dan masyarakat berpengetahuan, peranan JAKIM perlu berkembang daripada mengurus dalaman kepada mempengaruhi landskap Islam Malaysia secara menyeluruh.

2. VISI YANG DISOKONG OLEH LIMA TERAS STRATEGIK

Lima Teras JAKIM menjadi tulang belakang kepada visi ini. Teras 1 memastikan perundangan Islam diperkasa secara inklusif dan selaras antara negeri, sekali gus mengurangkan kekeliruan masyarakat. Teras 2 menekankan tadbir urus berkualiti melalui proses telus, berintegriti dan berasaskan data. Teras 3 mengangkat peranan JAKIM di peringkat antarabangsa, khususnya dalam pensijilan halal dan pemikiran Islam. Teras 4 memposisikan JAKIM sebagai peneraju islah, dakwah dan jaringan strategik merentas institusi Islam. Teras 5 pula memastikan pembangunan sosioekonomi ummah melalui zakat, wakaf dan pembangunan keusahawanan halal.

3. PENJAJARAN DENGAN LIMA FOKUS UTAMA KP JAKIM

Visi ini juga mencerminkan hasrat Ketua Pengarah agar JAKIM memainkan peranan lebih besar dalam urusan Islam negara. Fokus tadbir urus diterjemah melalui penyelarasan dasar, undang-undang dan proses kerja. Transformasi digital menangani isu data tidak seragam dan proses manual yang melambatkan keputusan. Pengantarabangsaan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai rujukan Islam dan halal global. Perpaduan ummah diperkasa melalui dakwah berasaskan data dan masjid sebagai pusat komuniti. Modal insan pula memastikan pegawai JAKIM berilmu, berkemahiran digital dan berakhlak.

4. DARIPADA OPERASI DALAMAN KEPADA IMPAK NASIONAL

Berdasarkan dapatan dalaman, lebih 20 bahagian JAKIM terlibat secara langsung dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Visi ini menuntut JAKIM beralih daripada kerja berasaskan silo kepada pendekatan menyeluruh melalui kerangka 4P. Dengan sokongan platform digital nasional, dasar yang jelas, program berimpak dan modal insan berkualiti, JAKIM dapat menjadi peneraju Islam yang dipercayai rakyat, dihormati antarabangsa dan berkesan memacu kesejahteraan ummah menjelang 2030.

MISI

Memperkukuh Tadbir Urus Melalui Pembangunan dan Pengurusan Hal Ehwal Islam Ke Arah Kesejahteraan Ummah

1. MAKSUD TERAS MISI JAKIM

Misi ini menegaskan bahawa peranan utama JAKIM bukan sekadar mengurus hal ehwal Islam secara pentadbiran, tetapi memperkukuh tadbir urus Islam secara menyeluruh demi kesejahteraan ummah. Tadbir urus di sini merangkumi dasar, pelaksanaan, pemantauan dan akauntabiliti merentas undang-undang Syariah, dakwah, halal, pendidikan, keluarga, masjid dan sosioekonomi Islam. Ini selari dengan Teras 2: Pemerkasaan Kualiti Tadbir Urus sebagai tulang belakang keseluruhan Pelan Strategik JAKIM 2026–2030.

2. TADBIR URUS ISLAM YANG LEBIH INKLUSIF DAN BERKESAN

Melalui Teras 1: Pemerkasaan Perundangan Islam Secara Inklusif, JAKIM berperanan menyelaras, memudah cara dan memperkukuh kefahaman undang-undang Islam antara pusat dan negeri. Cabaran utama ialah ketidakseragaman proses, dokumentasi manual dan jurang keupayaan negeri–pusat, yang melambatkan keputusan dan menjejaskan keyakinan awam. Justeru, misi ini menuntut tadbir urus yang lebih telus, berasaskan data dan selaras syariah, tanpa menjejaskan bidang kuasa negeri.

3. PEMBANGUNAN ISLAM YANG MENYOKONG KESEJAHTERAAN UMMAH

Melalui Teras 5: Pemerkasaan Ekosistem Sosioekonomi Ummah, misi JAKIM diperluaskan kepada impak langsung kepada masyarakat melalui pengukuhan ekosistem wakaf, zakat, mal dan haji/umrah yang terselaras, di samping memacu keusahawanan halal Bumiputera yang berdaya saing dan mampan menerusi kerjasama strategik serta peningkatan penyertaan dalam pensijilan halal Malaysia.

4. TRANSFORMASI DIGITAL SEBAGAI PEMANGKIN TADBIR URUS

Misi ini juga sejajar dengan fokus Transformasi Digital dan Dasar AI Negara, di mana teknologi digunakan untuk memperkasakan manusia, bukan menggantikan. Penggunaan Sistem e-Mualaf, Sistem Maklumat Imam dan Masjid (SISMIM) dan Sistem MyeHALAL akan meningkatkan ketelusan, kelajuan keputusan dan pematuhan syariah. Ini menyokong Teras 2 dan Teras 4, khususnya dalam membina jaringan strategik dan kepercayaan awam.

5. PERANAN NASIONAL DAN ANTARABANGSA JAKIM

Selaras Teras 3: Pengantarabangsaan Pengurusan Hal Ehwal Islam, misi ini menempatkan JAKIM sebagai rujukan nasional dan serantau dalam halal, tadbir urus Islam dan latihan modal insan. Dengan lebih 20 bahagian terlibat termasuk Sabah dan Sarawak, misi ini memastikan JAKIM bukan hanya cekap dalaman, tetapi berpengaruh dalam ekosistem Islam Malaysia dan global, berpaksikan nilai MADANI: Ihsan, Kemanusiaan, Kemampanan dan Keadilan.

2026–2030
Kerangka Strategik



RINGKASAN : KERANGKA STRATEGIK 5-TAHUN

Kerangka Strategik JAKIM digambarkan sebagai sebuah rumah strategik yang menjadi asas hala tuju organisasi bagi tempoh 2026–2030. Ia dibina untuk memastikan JAKIM berperanan bukan sahaja sebagai agensi pentadbiran Islam, tetapi sebagai peneraju nasional dalam pembangunan dan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia. Bumbung rumah ini mewakili Visi dan Misi JAKIM, yang menetapkan arah jelas ke arah pemerkasaan tadbir urus Islam demi kesejahteraan ummah, selari dengan nilai Islam dan nilai MADANI seperti amanah, ihsan dan kesejahteraan bersama.

Lima Teras Strategik JAKIM bertindak sebagai tiang utama yang menyokong keseluruhan kerangka. Teras 1 dan Teras 2 memperkasakan perundangan Islam dan kualiti tadbir urus. Teras 3 mengangkat peranan JAKIM ke peringkat antarabangsa. Teras 4 memperkukuh perpaduan ummah melalui islah dan jaringan strategik, manakala Teras 5 memastikan pembangunan sosioekonomi ummah dilaksanakan secara menyeluruh dan mampan.

Kesemua teras ini digerakkan melalui Pendekatan 4P – Polisi, Program, Platform dan Personel yang menjadi enjin pelaksanaan transformasi JAKIM. Pendekatan ini memastikan dasar yang jelas, program berimpak, penggunaan teknologi digital, serta pembangunan modal insan yang berintegriti dan berkeupayaan.

Selaras dengan hasrat Ketua Pengarah, kerangka ini menegaskan peranan JAKIM untuk melangkaui operasi dalaman dan menjadi institusi rujukan utama dalam tadbir urus Islam, transformasi digital, pengantarabangsaan, perpaduan ummah dan pembangunan modal insan negara menjelang 2030.



"Kerangka Strategik JAKIM menjadi kompas nasional yang memandu tadbir urus Islam, memacu transformasi digital, memperkukuh perpaduan ummah dan mengangkat peranan Malaysia sebagai rujukan Islam berintegriti menjelang 2030."

KERANGKA STRATEGIK

VISI

Peneraju Pembangunan dan Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia

MISI

Memperkukuh Tadbir Urus Melalui Pembangunan dan Pengurusan Hal Ehwal Islam Ke Arah Kesejahteraan Ummah

NILAI BERSAMA

Jati Diri, Amanah, Kerjasama, Ihsan, Mardhatillah

TERAS STRATEGIK

TERAS 1	TERAS 2	TERAS 3	TERAS 4	TERAS 5
Memperkasakan Perundangan Islam Secara Inklusif	Memperkasakan Kualiti Tadbir Urus	Mengantarabangsakan Pengurusan Hal Ehwal Islam	Meneraju Islah dan Jaringan Strategik	Memperkasakan Ekosistem Sosioekonomi Ummah

PENDEKATAN 4P

POLISI	PROGRAM	PLATFORM	PERSONEL
• Memperkukuh tadbir urus berintegriti, telus dan berasaskan ihsan demi kemampanan serta kepercayaan rakyat. • Memastikan transformasi teknologi patuh syariah, selamat dan beretika. • Memposisikan Malaysia sebagai rujukan pengurusan Islam global. • Menyokong keharmonian masyarakat majmuk. • Membina kepimpinan Islam berilmu, berakhlak dan berdaya cipta. • Menyelaraskan perundangan Islam dan peraturan antara Persekutuan dan Negeri. • Memperkukuhkan jaringan institusi Islam tempatan dan antarabangsa.	• Menyokong pengurusan telus dan adil. • Menyampaikan perkhidmatan profesional yang pantas kepada rakyat. • Mengangkat Malaysia sebagai pusat kecemerlangan hal ehwal Islam antarabangsa. • Memperkukuh keharmonian sosial melalui integrasi dakwah yang inklusif. • Melahirkan pegawai berintegriti, berkompetensi dan berdaya saing. • Memacu kesejahteraan komuniti dan penglibatan masyarakat setempat. • Memperkasakan program bersepadu ekonomi Islam. • Membina generasi berilmu, berakhlak dan sejahtera menerusi pengukuhan pendidikan Islam.	• Menyokong tadbir urus berasaskan data dan bukti melalui platform digital. • Memanfaatkan Platform kecerdasan buatan (AI) beretika bagi membantu keputusan strategik dakwah, halal dan sosial. • Menghubungkan JAKIM dengan institusi Islam luar negara melalui platform antarabangsa. • Memperkukuh jaringan komuniti dan perpaduan ummah setempat melalui platform masjid sebagai *one stop centre*. • Meningkatkan kualiti pembelajaran dan pemantauan prestasi melalui platform Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI). • Memastikan ketelusan, akauntabiliti dan pematuhan syariah berterusan melalui platform tadbir urus. • Menyampaikan mesej Islam berhemah kepada masyarakat melalui platform media digital. • Mentransformasi institusi latihan JAKIM sebagai pusat kecemerlangan pembangunan modal insan.	• Menjadikan modal insan sebagai teras tadbir urus, perpaduan dan kesejahteraan ummah. • Memperkasakan kemahiran digital pegawai selari dengan nilai Islam. • Membina kepimpinan JAKIM berteraskan amanah, hikmah dan bertanggungjawab. • Menyokong inovasi pengurusan melalui modal insan berdaya cipta. • Memupuk budaya kerja berintegriti demi meningkatkan kepercayaan rakyat dan kemampanan institusi. • Memperluaskan kepakaran hal ehwal Islam dan teknologi untuk memberikan impak menyeluruh.

INISIATIF

PELAN TINDAKAN

MEKANISME PELAKSANAAN

Pendekatan 4P memperkukuh tadbir urus, digitalisasi, program berimpak, platform bersepadu dan modal insan berintegriti bagi kesejahteraan ummah nasional.

1. POLISI (*POLICIES*)

Komponen Polisi merupakan asas kepada kekuatan tadbir urus JAKIM dan pemacu utama Teras 1 (Perundangan Islam Inklusif) serta Teras 2 (Kualiti Tadbir Urus). Berdasarkan dapatan projek dan analisis soal selidik dalaman, cabaran utama JAKIM ialah ketidakseragaman SOP antara negeri–pusat, proses manual yang panjang, serta kekangan pemantauan pematuhan syariah dan integriti. Oleh itu, Polisi JAKIM 2026–2030 menekankan penyelarasan dasar Islam nasional yang telus, berintegriti dan berpaksikan data.

Polisi ini menyokong fokus Tadbir Urus dan Transformasi Digital dengan memperkenalkan polisi syariah-data, polisi keselamatan maklumat, serta polisi AI patuh syariah dan etika MADANI. Ia memastikan keputusan dakwah, halal, pendidikan dan penguatkuasaan dibuat berasaskan bukti (*evidence-based*). Pada masa sama, polisi pengantarabangsaan memperkukuh Teras 3, meletakkan Malaysia sebagai rujukan global dalam tadbir urus Islam. Kesannya, polisi JAKIM bukan sahaja mengawal operasi dalaman, tetapi membentuk ekosistem Islam negara yang adil, diyakini dan berwibawa.

2. PROGRAM (*PROGRAMMES*)

Komponen Program menterjemahkan visi dan polisi kepada tindakan nyata yang memberi kesan langsung kepada ummah, sejajar dengan Teras 4 (Islah dan Jaringan Strategik) dan Teras 5 (Sosioekonomi Ummah). Berdasarkan dapatan projek, lebih 20 bahagian JAKIM terlibat dalam program dakwah, halal, pendidikan, keluarga dan kebajikan, namun impaknya sukar diukur kerana ketiadaan integrasi data dan indikator prestasi seragam.

Komponen ini turut memberikan penekanan kepada pengukuhan keharmonian sosial melalui integrasi dakwah penglibatan masyarakat setempat bagi meningkatkan kesejahteraan komuniti pemerkasaan program bersepadu ekonomi Islam, pemulihan rohani warga penjara serta pembangunan generasi berilmu, berakhlak dan sejahtera melalui pendidikan Islam. Secara keseluruhannya, program-program ini mencerminkan pendekatan menyeluruh JAKIM dalam memperkukuh tadbir urus, memperluas jaringan strategik dan meningkatkan kesejahteraan ummah.

"Pendekatan 4P menjadikan JAKIM pemacu tadbir urus Islam moden, berteraskan nilai, teknologi patuh Syariah dan program berimpak tinggi demi kesejahteraan ummah di Malaysia dan antarabangsa."

MEKANISME PELAKSANAAN

3. PLATFORM (*PLATFORMS*)

Komponen Platform ialah pemangkin utama Transformasi Digital, merentas semua Teras JAKIM. Dapatan projek menunjukkan data JAKIM kini berpecah antara fail fizikal, sistem legasi (*legacy system*) dan aplikasi tidak bersepadu, menyebabkan kelewatan keputusan serta risiko keselamatan maklumat. Justeru, pembangunan Platform Digital Islam Nasional seperti DMS Nasional, AI Dakwah, AI Halal dan Platform Pendidikan Islam menjadi keutamaan strategik.

Platform ini membolehkan tadbir urus berasaskan data, pemantauan KPI masa nyata dan penyelarasan negeri–pusat yang lebih kukuh, selari dengan Teras 2 dan Teras 3. Platform masjid digital pula menyokong Teras 4, dengan menghubungkan data jemaah, keluarga dan bantuan sosial. Selaras dengan Nilai MADANI, platform dibangunkan secara patuh syariah, beretika dan selamat. Secara keseluruhan, platform mengubah JAKIM daripada organisasi pentadbiran kepada organisasi berkecerdasan digital yang proaktif dan dipercayai.

4. PERSONEL (*PEOPLE / HUMAN CAPITAL*)

Komponen Modal Insan merupakan nadi kepada kejayaan semua Teras dan fokus strategik JAKIM. Analisis menunjukkan jurang kemahiran digital, beban kerja manual dan keperluan latihan berstruktur menjadi isu utama pegawai di pusat, negeri dan masjid. Oleh itu, pelaburan dalam modal insan bukan sekadar latihan teknikal, tetapi transformasi budaya kerja Islam MADANI.

Melalui institusi seperti ILIM, Darul Quran, IPDAS dan IKMAS, JAKIM membina kepakaran dalam syariah-data, analitik, tadbir urus digital dan kepimpinan berintegriti. Ini menyokong fokus Modal Insan, Tadbir Urus dan Pengantarabangsaan, melahirkan pegawai berwibawa di peringkat nasional dan global. Kepimpinan JAKIM diperkukuh dengan nilai Jati Diri, Amanah, Ihsan dan Integriti, memastikan teknologi memperkasa manusia, bukan menggantikannya. Secara strategik, modal insan JAKIM menjadi aset negara dalam membentuk kesejahteraan ummah berterusan.

"Melalui Polisi jelas, Program berfokus, Platform bersepadu dan Modal Insan berkualiti, JAKIM memimpin transformasi Islam nasional secara beretika, inklusif dan selari aspirasi Malaysia MADANI."

Nilai Bersama



NILAI BERSAMA

J

JATI DIRI

Mempunyai jati diri yang berjiwa merdeka dalam berkhidmat untuk agama, bangsa dan negara berdasarkan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah

A

AMANAH

Menjalankan tugas dengan penuh iltizam, dedikasi dan rasa tanggungjawab selaras dengan aku janji yang telah diikrarkan.

K

KERJASAMA

Menggembleng tenaga, pengetahuan dan pengalaman melalui semangat kerja berpasukan yang tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi.

I

IHSAN

Berkhidmat dengan penuh keimanan, keikhlasan dan berintegriti melalui etika kerja yang sistematik, efisien dan konsisten demi menghasilkan impak yang cemerlang.

M

MARDHATILLAH

Bekerja berlandaskan prinsip-prinsip syariah ke arah memartabatkan ummah demi mencapai keredhaan Allah SWT.

NILAI BERSAMA

Dalam Pelan Strategik JAKIM 2026–2030, nilai-nilai bersama bukan sekadar prinsip moral, tetapi berfungsi sebagai teras budaya organisasi yang memastikan semua dasar, program, platform dan pembangunan modal insan bergerak sehala dengan visi nasional Islam, tuntutan MADANI dan keperluan masa depan. Nilai-nilai inilah yang mengikat keseluruhan Kerangka Strategik JAKIM supaya transformasi yang dilaksanakan kekal berintegriti, berkesan dan diyakini rakyat.

NILAI BERSAMA JAKIM

Asas Budaya Tadbir Urus Pelan Strategik JAKIM 2026–2030

Jati Diri: Identiti Islam Sebagai Arah Strategik Negara

(Menyokong Teras 1 dan Teras 4)

Jati diri JAKIM berpaksikan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah dan kerangka Perlembagaan Persekutuan. Dalam konteks pelan strategik, jati diri memastikan usaha pemerkasaan perundangan Islam dilaksanakan secara inklusif, berfakta dan berautoriti, tanpa mencetuskan perpecahan. Ini selari dengan fokus Ketua Pengarah agar JAKIM bukan sekadar mengurus dalaman, tetapi memimpin naratif Islam nasional yang menyatukan ummah dan masyarakat majmuk. Nilai MADANI Kebajikan dan Ihsan dizahirkan melalui pendekatan dakwah sederhana dan berasaskan data.

Amanah dan Integriti: Teras Tadbir Urus Dipercayai

(Menyokong Teras 2 dan Fokus Tadbir Urus)

Pelan Strategik 2026–2030 menekankan pengukuhan tadbir urus merentas lebih 30 entiti termasuk negeri, masjid dan institusi latihan. Amanah dan integriti diterjemah melalui pendigitalan proses, ketelusan keputusan dan audit data syariah. Dapatan bengkel dan soal selidik projek menunjukkan isu utama ialah proses manual dan data tidak seragam; justeru nilai ini menjadi asas kepada reformasi SOP, DMS Nasional dan dashboard KPI. Ini selari dengan nilai MADANI Kemampanan dan Dasar AI Negara.

Kerjasama: Enjin Islah dan Pengantarabangsaan

(Menyokong Teras 3, Teras 4 dan Teras 5)

Kerjasama strategik menjadikan JAKIM penghubung utama antara negeri, agensi persekutuan, JAWHAR, masjid, institusi pendidikan dan rakan antarabangsa. Dalam pelan strategik, kerjasama membolehkan Malaysia mengekalkan kedudukan sebagai rujukan halal dan tadbir urus Islam global, sambil memperkukuh jaringan dakwah dan ilmu. Ini mencerminkan nilai MADANI Daya Cipta, di mana inovasi berlaku melalui perkongsian, bukan silo.

Ihsan: Jiwa Modal Insan JAKIM
(Menyokong Teras 2 dan Fokus Modal Insan)

Transformasi digital dan global hanya berjaya jika disokong oleh pegawai beriman dan ikhlas. Pelan strategik menekankan latihan berfasa, peningkatan kemahiran digital dan kepimpinan beretika. Nilai ini memastikan teknologi digunakan untuk mempercepat kebajikan ummah, bukan menghakis kemanusiaan selari dengan MADANI Ihsan.

Mardhatillah: Penapis Tertinggi Semua Keputusan
(Merentas 5 Teras dan 5 Fokus Utama)

Mardhatillah menjadi penentu akhir dalam semua dasar, inovasi dan pengantarabangsaan JAKIM. Ia memastikan Pelan Strategik 2026–2030 bukan sahaja berjaya di atas kertas, tetapi mendapat keberkatan, menjadikan JAKIM peneraju Islam Malaysia yang diyakini, lestari dan relevan hingga 2030 dan seterusnya.

Kesimpulan Strategik

Nilai-nilai JAKIM ialah teras operasi dan roh pelaksanaan Pelan Strategik 2026–2030. Dengannya, JAKIM berfungsi bukan sekadar sebagai pengurus hal ehwal Islam, tetapi sebagai arkitek kesejahteraan ummah dan rujukan Islam MADANI negara.

Penjajaran Malaysia MADANI dan Dasar AI Negara

Nilai-nilai JAKIM iaitu Jati Diri, Amanah, Kerjasama, Ihsan dan Mardhatillah menjadi teras budaya kerja dan hala tuju organisasi. Nilai ini memastikan setiap dasar, program dan keputusan JAKIM berlandaskan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah serta kepentingan ummah.

Ia disepadukan dengan Nilai Teras Malaysia MADANI seperti ihsan, kemampanan, daya cipta dan kebajikan. Melalui pendekatan ini, teknologi dan AI dimanfaatkan secara beretika, patuh syariah dan berfokus kepada pengukuhan tadbir urus, perpaduan ummah serta kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.



Analisis Persekitaran Dan Cabaran Semasa



ANALISIS PERSEKITARAN

Analisis persekitaran ini dibangunkan berasaskan dapatan soal selidik yang telah dijalankan dari 9 hingga 31 Julai 2025, melibatkan seramai 242 responden daripada pelbagai kelompok pemegang taruh utama JAKIM. Hasil input yang komprehensif ini membolehkan JAKIM mengenal pasti rangkaian isu kritikal dan cabaran semasa yang memberi kesan langsung terhadap keberkesanan tadbir urus, penyampaian perkhidmatan serta keupayaan organisasi memenuhi tuntutan maqasid syariah dalam konteks pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia. Kefahaman terhadap landskap ini menjadi asas penting dalam merangka strategi yang lebih responsif, berfokus dan berdaya tahan untuk tempoh perancangan lima tahun akan datang.

Berdasarkan dapatan ini, isu dan cabaran utama yang perlu ditangani dalam pengurusan Hal Ehwal Islam (HEI) dianalisis mengikut kerangka PESTEL (Politik, Ekonomi, Sosial Budaya, Teknologi, Alam Sekitar dan Perundangan).

POLITIK (*POLITICAL*)

JAKIM berperanan sebagai tunjang pentadbiran hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan, termasuk penyelarasan undang-undang syariah, pembangunan dasar Islam, pengurusan pensijilan halal, pendidikan Islam, dakwah dan pemeliharaan akidah umat. Kedudukannya dalam struktur kerajaan Persekutuan menjadikannya terdedah kepada pelbagai pengaruh politik, sama ada dari sudut dasar, hubungan Persekutuan–Negeri, dinamisme parti politik, kepentingan ekonomi, persepsi masyarakat atau tekanan antarabangsa. Perubahan politik melalui pertukaran kerajaan, ideologi atau perbahasan awam memberi kesan langsung terhadap hala tuju dan keberkesanan dasar JAKIM.

ISU DAN CABARAN

1. Penyelarasan Dasar dan Hala Tuju

Hal ehwal Islam merupakan bidang kuasa negeri (Perkara 3 dan Jadual Kesembilan Perlembagaan). Perbezaan tafsiran antara negeri, termasuk isu pendidikan Islam, undang-undang syariah dan polisi halal, menyukarkan penyelarasan dasar. Pertindihan kuasa dalam isu fatwa, halal dan undang-undang keluarga Islam menambah cabaran. Industri halal, yang menyumbang RM61.79 bilion kepada eksport negara (2024) dan melibatkan lebih 10,000 premis, juga menjadi tumpuan politik domestik dan antarabangsa.

Implikasi bagi isu ini ialah melambatkan pelaksanaan dasar, risiko kepada kredibiliti halal dan kesukaran perancangan jangka panjang.

PERTUMBUHAN EKSPORT HALAL



BILANGAN PEMEGANG SPHM



2. Ketelusan Tadbir Urus dan Politik

Setiap pertukaran kerajaan memberi kesan kepada autonomi JAKIM, termasuk peruntukan kewangan dan prioriti dasar. Tekanan politik boleh menjejaskan konsistensi agenda Islam nasional.

Implikasi bagi isu ini ialah autonomi JAKIM terganggu dan menimbulkan persepsi berat sebelah seterusnya melambatkan proses pembuatan keputusan yang strategik.

3. Kesatuan Ummah Rentas Politik

JAKIM sebagai sekretariat MKI bertanggungjawab menyatupadukan prinsip syariah antara negeri. Namun isu agama sering dipolitikkan, menjejaskan belanjawan, kuasa institusi agama dan kerjasama Negeri–Persekutuan.

Implikasi kepada isu ini menyebabkan perpecahan masyarakat Islam, kerjasama negeri–Persekutuan yang sukar, seterusnya menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap institusi Islam.

4. Penyeragaman Pandangan Mufti

Kepelbagaian pemikiran dan perbezaan hukum negeri mencabar penyelarasan fatwa. Tekanan media sosial mempercepat tuntutan respons, meningkatkan risiko penyebaran maklumat palsu.

Implikasi bagi isu ini ialah wujud ketidakselarasan fatwa yang akan mengelirukan masyarakat seterusnya menjejaskan reputasi JAKIM.

5. Integrasi Dasar Kerajaan

Pegawai JAKIM ditempatkan di kementerian, agensi kerajaan dan GLC untuk memastikan nilai Islam diterapkan. Namun usaha ini kadang-kadang disalah tafsir sebagai campur tangan politik.

Implikasi bagi isu ini ialah menimbulkan persepsi negatif terhadap profesionalisme pegawai dan pelaksanaan dasar kerajaan yang tidak bersifat menyeluruh.

6. Pemerkasaan Pihak Berkepentingan

Raja-Raja Melayu adalah ketua agama di negeri masing-masing. Kejelasan hubungan JAKIM–Majlis Raja-Raja penting untuk mengelakkan kekeliruan bidang kuasa.

Implikasi bagi isu ini ialah menyebabkan berlakunya ketegangan kuasa dan juga risiko salah faham awam.

IMPLIKASI

Faktor politik memberi kesan mendalam terhadap keberkesanan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia. JAKIM menghadapi cabaran penyelarasan dasar, autonomi tadbir urus, kesatuan ummah, penyeragaman fatwa, dan pemerkasaan pihak berkepentingan. Strategi yang menekankan rundingan Negeri–Persekutuan, tadbir urus telus, komunikasi inklusif, digitalisasi proses dan latihan profesional pegawai adalah penting untuk memastikan dasar Islam nasional dapat dilaksanakan secara konsisten, berkesan dan diyakini (*credible*) walaupun berdepan dinamik politik yang kompleks.

EKONOMI (*ECONOMIC*)

Memacu Kemakmuran MADANI: JAKIM Sebagai Pemboleh Daya Ekonomi Strategik

Analisis persekitaran bagi faktor ekonomi mendedahkan satu anjakan paradigma yang signifikan terhadap fungsi dan peranan JAKIM menjelang tahun 2026. Berbeza dengan persepsi tradisional yang melihat institusi agama sebagai entiti pentadbiran ritual semata-mata, realiti sosioekonomi semasa meletakkan JAKIM sebagai pemboleh daya ekonomi (*economic enabler*) yang kritikal dalam kerangka pembangunan negara. Dalam menelusuri aspirasi Ekonomi MADANI dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), kegagalan atau kejayaan JAKIM dalam menguruskan ekosistem halal dan menyelaraskan kewangan sosial Islam mempunyai impak langsung terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta daya saing Malaysia di peringkat global. Oleh itu, faktor ekonomi diklasifikasikan sebagai pemacu strategik berkeutamaan tinggi yang memerlukan intervensi dasar yang tuntas dan menyeluruh.

Hubungan antara JAKIM dengan dasar makroekonomi negara dapat dilihat melalui dua dimensi utama Ekonomi MADANI iaitu "Menjulang Siling" (*Raising the Ceiling*) dan "Menaikkan Lantai" (*Raising the Floor*). Dari aspek pertumbuhan ekonomi, JAKIM memegang amanah besar sebagai penjaga standard kualiti bagi industri halal global yang diunjurkan bernilai USD 5 trilion menjelang 2030. Pensijilan halal bukan lagi sekadar tuntutan fardu kifayah, tetapi telah menjadi pasport perdagangan antarabangsa yang menentukan akses produk syarikat multinasional (MNC) dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) ke pasaran dunia. Sebarang ketidakcekapan birokrasi dalam proses pensijilan ini berisiko menjadi halangan bukan tarif (*non-tariff barrier*) yang boleh merencatkan kemasukan pelaburan asing dan pertumbuhan eksport negara, selaras dengan sasaran Pelan Induk Industri Halal 2030 (HIMP 2030).

Namun, cabaran struktur yang dihadapi adalah mendesak. Di lapangan, pihak industri menuntut kepantasan proses pensijilan dengan sasaran pemprosesan dipendekkan kepada 30 hari bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan (*cost of doing business*). Pada masa yang sama, usahawan PMKS, khususnya dalam kalangan Bumiputera, berdepan dengan kos pematuhan (*compliance cost*) yang tinggi untuk menaik taraf fasiliti fizikal agar menepati piawaian Halalan Toyyiban. Dilema ini menuntut JAKIM beralih daripada pendekatan kawal selia yang kaku kepada tadbir urus yang lebih memudah cara (*facilitative*). Sinergi strategik bersama agensi pelaksana seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan TEKUN Nasional wajar diterokai. Melalui kolaborasi ini, JAKIM dapat menyediakan laluan hijau teknikal, manakala agensi rakan menyediakan dana pembiayaan dan geran ubah suai premis, memastikan usahawan asnaf dan kecil tidak tercicir daripada arus ekonomi perdana.

Dari aspek kesejahteraan sosial (*raising the floor*), instrumen zakat dan wakaf kini diiktiraf sebagai jaring keselamatan sosial ketiga negara, melengkapi bantuan fiskal kerajaan. Walau bagaimanapun, analisis menunjukkan wujudnya ketidakseimbangan fiskal yang ketara antara negeri-negeri di Malaysia. Kekangan undang-undang yang menghalang pemindahan dana zakat merentasi sempadan negeri (*jurisdictional silos*) menyebabkan ketidaksamaan agihan bantuan, di mana asnaf di negeri pusat ekonomi menerima manfaat yang jauh lebih tinggi berbanding asnaf di negeri yang kurang membangun. Justeru, peranan JAKIM melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) adalah kritikal sebagai penyelaras data nasional. Integrasi data asnaf negeri dengan pangkalan data kemiskinan persekutuan seperti PADU dan eKasih amat diperlukan bagi mengelakkan pertindihan bantuan dan memastikan tiada golongan rentan yang terpinggir di saat negara berdepan tekanan kos sara hidup.

Kelemahan strategik yang paling ketara dalam pengurusan ekonomi Islam semasa adalah kekangan data dan pendigitalan. Ketiadaan integrasi data raya (*big data*) yang menghubungkan sistem pensijilan halal dengan data perdagangan kastam menyukarkan kerajaan mengukur impak sebenar ekonomi halal secara masa nyata. Bagi mengatasi cabaran ini, JAKIM perlu menerajui transformasi digital melalui inisiatif "*Smart Halal Certification*" yang memanfaatkan teknologi Kecerdasan Buatan (*AI*) dan Rantaian Blok (*Blockchain*). Teknologi ini bukan sahaja akan mempercepatkan proses audit dan meningkatkan integriti rantaian bekalan, tetapi juga meningkatkan keyakinan pengguna global terhadap logo Halal Malaysia.

Kesimpulannya, bagi tempoh 2026-2030, JAKIM perlu memposisikan dirinya bukan hanya sebagai penguasa agama, tetapi sebagai rakan strategik ekonomi yang progresif. Kejayaan pelan strategik ini bergantung kepada keupayaan JAKIM untuk menguruskan keseimbangan antara kepatuhan syariah yang ketat dengan kecekapan penyampaian perkhidmatan ekonomi. Dengan memperkasakan diplomasi halal bernilai tinggi, mengoptimumkan aset wakaf produktif, dan memudah cara ekosistem perniagaan melalui teknologi, JAKIM berupaya menjadi nadi penggerak kepada aspirasi Malaysia sebagai sebuah Negara MADANI yang makmur, inklusif, dan mampan.

SOSIOBUDAYA (*SOCIOCULTURAL*)

ISU DAN CABARAN

Perubahan landskap sosiobudaya di Malaysia berlaku sangat pantas. Seiring dengan ledakan teknologi dan media sosial menyebabkan berlakunya keterbukaan maklumat dalam dunia tanpa sempadan. Hal ini telah memberi kesan kepada perubahan demografi serta pola tingkah laku masyarakat yang menimbulkan pelbagai isu dalam aspek sosiobudaya.

Lebih membimbangkan apabila isu-isu sosiobudaya turut dipengaruhi oleh budaya barat, fahaman liberalisme, sensitiviti antara kaum dan gaya hidup hedonisme yang tidak terkawal boleh memesongkan akidah serta akhlak dalam kalangan masyarakat.

Ketidakstabilan sosiobudaya semakin membarah dalam masyarakat apabila berlakunya peningkatan kadar perceraian, isu-isu keganasan rumah tangga, pengabaian warga emas, kes-kes budaya songsang dan masalah sosial remaja berpunca daripada keruntuhan institusi keluarga dicatatkan saban tahun.

IMPLIKASI

Peranan dan kepentingan JAKIM pada masa hadapan tidak hanya terhad sebagai badan penyelaras semata-mata. Malah, JAKIM perlu memainkan peranan lebih dekat dengan masyarakat sebagai "Rakan Kongsi Kehidupan" (*Life Partner*) yang membimbing masyarakat mengharungi cabaran moden dengan tenang, berprinsip, dan penuh kasih sayang.

JAKIM perlu pro aktif bagi menangani isu keharmonian masyarakat dan kefahaman Islam yang sebenar dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia dan tidak hanya berfokus kepada masyarakat Islam malah turut menyantuni masyarakat *non-Muslim* yang berbilang kaum khususnya berkenaan isu-isu agama.

TEKNOLOGI (*TECHNOLOGICAL*)

Sebagai agensi penyelaras hal ehwal Islam Persekutuan, JAKIM memanfaatkan teknologi digital bagi meningkatkan kecekapan pengurusan data, memperkukuh penyampaian perkhidmatan serta mengoptimumkan pentadbiran fungsi utama JAKIM dan urusan organisasi. Pendigitalan ini turut mengukuhkan koordinasi merentas kementerian, agensi berkepentingan dan Pihak Berkuasa Agama Negeri.

ISU DAN CABARAN

1. Penyatuan Sistem Digital (Integrasi):

Kegagalan menyatukan pelbagai sistem perkhidmatan agama yang kini beroperasi secara berasingan kepada satu portal pusat atau *super app* yang bersepadu dan mesra pengguna. Penggunaan sistem digital yang berasingan atau tidak bersepadu bagi setiap fungsi utama JAKIM menyebabkan kecekapan pengurusan data terjejas.

2. Integrasi Data Menyeluruh:

Cabaran untuk menghubungkan data dan sistem pengurusan Hal Ehwal Islam secara efektif dengan agensi luar kritikal seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi pengesahan rekod Islamik. Peningkatan keperluan *data sharing agreement* dan isu keupayaan pelbagai sistem, aplikasi, dan organisasi yang berbeza untuk beroperasi bersama, berkongsi data secara bermakna dan bertukar maklumat antara agensi kerajaan.

3. Adaptasi AI dan Big Data:

Kelambatan untuk mengadaptasi Teknologi Pintar (*AI*) dan *Big Data* dalam perkhidmatan, terutamanya untuk automasi proses. Kerajaan mensasarkan penggunaan AI yang meluas untuk perkhidmatan awam seperti dalam Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam bagi meningkatkan kecekapan sebanyak 20 hingga 30 peratus.

4. Kemahiran Digital Modal Insan (Kakitangan):

Keperluan mendesak untuk latihan transformasi digital kepada kakitangan Hal Ehwal Islam, termasuk penggunaan sistem baharu, keselamatan siber, dan kemahiran digital asas. *Digital Skills Gap* dalam kalangan kakitangan sektor awam boleh mencapai 40 peratus dalam bidang tertentu jika tiada latihan berterusan.

5. Infrastruktur ICT dan Sistem Sedia Ada:

Cabaran menyediakan peralatan ICT dan jaringan internet bertaraf antarabangsa, serta keperluan untuk menaik taraf sistem sedia ada agar lebih mesra pengguna, menyeluruh dan stabil. Keperluan *bandwidth* yang lebih tinggi untuk menyokong aplikasi *cloud-based dan big data*. Bajet tahunan yang tinggi diperlukan untuk menaik taraf perkakasan teknologi maklumat.

6. Cabaran Kesediaan Organisasi (Dalaman):

- Mentaliti Silo (*Silo Mentality*): Penggunaan sistem digital yang berasingan atau tidak bersepadu bagi setiap fungsi utama JAKIM (akidah, syariah, dakwah, halal, nikah, dan lain-lain) menyebabkan kecekapan pengurusan data terjejas. Penggunaan teknologi digital ini juga tidak sekadar terhad pada peringkat Jabatan semata-mata, malah turut melibatkan koordinasi merentas kementerian dan agensi berkepentingan termasuk Pihak Berkuasa Agama Negeri.

- Kesediaan untuk Berubah: Cabaran dalaman dari segi kesediaan organisasi dan warga Jabatan untuk menerima dan melaksanakan anjakan paradigma serta transformasi baharu yang berasaskan teknologi.

- Kekurangan pemanfaatan teknologi inovatif: Cabaran untuk mengoptimumkan penggunaan teknologi canggih seperti Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*), Pangkalan Data Bersepadu, Kecerdasan Buatan (*AI*), dan Analitik Data Raya (*Big Data Analytics*) untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan secara menyeluruh dan inklusif.

IMPLIKASI

1. Pelaksanaan Dasar dan Program Terjejas:

- Kecekapan rendah: Proses perkhidmatan (Contoh: permohonan cerai/rujuk (SPPIM), urusan pendaftaran muallaf (e-Muallaf), dan pensijilan Halal dan lain-lain) kekal perlahan dan tidak efisien kerana memerlukan pengisian dan semakan data secara manual merentasi pelbagai sistem dan agensi.

- Data tidak konsisten: Kegagalan integrasi data dengan JPN/agensi lain menyebabkan rekod yang tidak seragam dan memerlukan proses verifikasi yang berulang-ulang, menjejaskan integriti maklumat.

- Kos operasi tinggi: Penggunaan sumber manusia dan kertas kerja yang berlebihan menyebabkan peningkatan kos operasi dan tidak menyokong agenda *Green Technology.*

2. Perkhidmatan Awam Hal Ehwal Islam Gagal Mendepani Cabaran:

- Sistem yang kurang mesra pengguna: Rakyat menghadapi kesukaran, kekeliruan, dan masa menunggu yang lama apabila terpaksa berurusan dengan sistem yang berbeza-beza, mengurangkan kepercayaan terhadap institusi agama.

- Gagal Seiring Zaman: Institusi Hal Ehwal Islam akan ketinggalan berbanding sektor awam lain dan swasta, gagal memanfaatkan inovasi seperti AI untuk meningkatkan ketepatan data/maklumat atau analisis trend sosial.

ALAM SEKITAR (*ENVIRONMENTAL*)

1. Peralihan kepada Tadbir Urus Hijau dan Pematuhan ESG (*Environmental, Social, and Governance*)

Walaupun bukan fungsi teras agama, faktor alam sekitar telah menjadi cabaran operasi utama dalam aspek tadbir urus. Selaras dengan agenda kelestarian negara, JAKIM berhadapan tuntutan mendesak untuk mengintegrasikan prinsip ESG ke dalam tata kelola operasi. Cabaran utama melibatkan pematuhan mandatori terhadap Dasar Perolehan Hijau Kerajaan (MyHijau) dan amalan ICT Hijau, yang menuntut transformasi dalam prosedur perolehan aset, penyediaan infrastruktur cekap tenaga, serta pengurusan pelupusan sisa elektronik (e-waste) yang lestari dan patuh peraturan

2. Ancaman Perubahan Iklim Terhadap Kesinambungan Operasi (*Business Continuity*)

JAKIM menyedari bahawa krisis iklim kini merupakan risiko strategik yang boleh melumpuhkan operasi fizikal dan digital. Fenomena cuaca ekstrem seperti banjir dan tanah runtuh telah dikenal pasti sebagai ancaman keselamatan kritikal, khususnya yang menjejaskan fasiliti pendidikan (Darul Quran, IKMAS, IPDAS) serta logistik penyampaian perkhidmatan di zon Sabah dan Sarawak. Situasi ini menuntut peralihan daripada pengurusan krisis secara ad-hoc kepada pengukuhan Pelan Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Plan*) yang komprehensif, merangkumi perlindungan keselamatan warga institusi, daya tahan aset fizikal, serta jaminan keselamatan data raya Jabatan (ICT) daripada terhapus akibat bencana.

3. Integrasi Naratif Kelestarian dalam Dakwah

Bagi memastikan relevansi Islam dalam mendepani krisis global, JAKIM komited untuk mengangkat elemen pemeliharaan alam sekitar sebagai sebahagian daripada teras dakwah kontemporari. Melalui sinergi strategik antara sektor penyiaran, komunikasi korporat, dan institusi latihan, naratif "Fiqh Alam Sekitar" dan tanggungjawab khalifah akan diintegrasikan ke dalam kandungan media serta kurikulum pendidikan. Pendekatan ini turut disokong oleh komitmen terhadap etika Produksi Hijau (*Green Production*) dalam penerbitan rancangan, bertujuan memposisikan JAKIM sebagai peneraju imej Islam yang progresif, cakna sivik, dan responsif terhadap kelestarian sejagat.

IMPLIKASI

1. Peningkatan Kos Operasi dan Risiko Pematuhan Audit Peralihan mandatori kepada Tadbir Urus Hijau menuntut penstrukturan semula kerangka kewangan Jabatan bagi menampung kos permulaan yang lebih tinggi untuk perolehan aset cekap tenaga dan pelupusan e-waste yang patuh peraturan.
2. Keperluan Kritikal Pelan Pemulihan Bencana dan Infrastruktur Daya Tahan Ancaman nyata perubahan iklim terhadap infrastruktur fizikal mewajibkan peralihan daripada pengurusan krisis secara ad-hoc kepada pembangunan Pelan Pemulihan Bencana yang komprehensif, khususnya bagi institusi pendidikan dan operasi wilayah di Sabah dan Sarawak.
3. Transformasi Imej dan Relevansi Dakwah Melalui "Fiqh Alam Sekitar" Pengintegrasian elemen kelestarian ke dalam strategi kandungan media dan dakwah membuka peluang strategik untuk menjenamakan semula imej JAKIM sebagai institusi yang progresif dan cakna terhadap krisis global.

UNDANG-UNDANG (*EGAL*)

ISU DAN CABARAN

Isu dan cabaran perundangan merujuk kepada isu-isu yang sering dihadapi oleh JAKIM dari aspek berkaitan penguatkuasaan dan pemerkasaan undang-undang, akta, peraturan serta dasar, dalam melaksanakan fungsi Jabatan yang bertanggungjawab mengurus hal ehwal Islam pada peringkat Persekutuan.

Antara isu dan cabaran tersebut ialah seperti ketidakseragaman undang-undang syariah antara negeri-negeri. Walaupun usaha-usaha dan inisiatif bagi penyelarasan dan penyeragaman undang-undang syariah telah dibuat menerusi cadangan serta pengesyoran yang dikemukakan melalui pelbagai platform bersesuaian, namun proses pelaksanaannya dilihat sangat perlahan dan kompleks.

Begitu juga dengan dualisme sistem perundangan di Malaysia yang menjadi cabaran tercetusnya konflik bidang kuasa antara undang-undang sivil dengan undang-undang syariah. Perlembagaan Persekutuan meletakkan undang-undang Islam (syariah) di bawah Senarai Negeri (Jadual Kesembilan, Senarai II), manakala undang-undang sivil (Persekutuan) di bawah Senarai Persekutuan. Situasi ini mewujudkan limitasi bidang kuasa Mahkamah Syariah, terutama dalam isu yang turut melibatkan bidang kuasa Mahkamah Sivil. Sebagai contohnya dalam kes penukaran agama yang membawa implikasi terhadap hak penjagaan anak, pembahagian harta sepencarian dan isu perlembagaan berkaitan undang-undang syariah.

Cabaran lain yang turut dihadapi ialah dari aspek keberkesanan penguatkuasaan undang-undang syariah seperti keterbatasan kuasa dan logistik. Penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah seperti khalwat, minum arak dan kesalahan ajaran sesat sering berdepan dengan cabaran logistik, kekurangan sumber manusia terlatih dan infrastruktur yang tidak mencukupi.

IMPLIKASI

Isu-isu dan cabaran tersebut telah memberi implikasi kepada JAKIM dalam melaksanakan fungsinya secara optimum. Ia termasuklah menghalang usaha-usaha mewujudkan keseragaman dan penyelarasan berkesan dalam pengurusan hal ehwal Islam di seluruh negara merangkumi aspek perundangan Islam, pentadbiran Islam dan pendidikan agama Islam. Selaku agensi yang turut memainkan peranan utama dalam aspek dakwah, isu dan cabaran yang dihadapi juga boleh menjejaskan usaha penerapan nilai-nilai Islam, nilai-nilai yang membawa kebaikan (*maslahah*) dan menghindarkan keburukan (*mafsadah*), melaksanakan peranan menyeru masyarakat kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran (*amar ma'ruf nahi munkar*) dengan berkesan serta usaha penerapan lima prinsip Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

BAB 3

TERAS STRATEGIK

- Teras 1: Memperkasakan Perundangan Islam Secara Inklusif
- Teras 2: Memperkasakan Kualiti Tadbir Urus
- Teras 3: Mengantarabangsakan Pengurusan Hal Ehwal Islam
- Teras 4: Meneraju Islah dan Jaringan Strategik
- Teras 5: Memperkasakan Ekosistem Sosioekonomi Ummah

TERAS 1

MEMPERKASAKAN PERUNDANGAN ISLAM SECARA INKLUSIF

Memperkasakan Perundangan Islam Secara Inklusif merujuk kepada usaha-usaha memperkukuhkan penyelarasan dan penyeragaman perundangan Islam antara Persekutuan dan Negeri selaras dengan kerangka Perlembagaan Persekutuan dan bidang kuasa negeri. Ia merangkumi pembangunan dasar, modul dan garis panduan mencakupi aspek perkahwinan, pendidikan, pengurusan halal dan kesucian akidah umat Islam.

Teras ini mengandungi tiga (3) strategi dan 12 inisiatif melibatkan pengukuhan pengurusan perundangan dan harmonisasi antara institusi, pemantapan dasar hal ehwal Islam, dan pengukuhan pendidikan dan advokasi dalam kalangan masyarakat.

KEBERHASILAN UTAMA:

Memperkukuh keseragaman perundangan Islam, kefahaman masyarakat, kecekapan tadbir urus, perpaduan ummah dan kepimpinan JAKIM sebagai rujukan nasional dan global.

01
STRATEGI

MEMPERKUKUH PENGURUSAN PERUNDANGAN DAN HARMONISASI ANTARA INSTITUSI

INISIATIF 1
Membangunkan model undang-undang syariah sebagai rujukan standard kebangsaan yang selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkuat kuasa di negeri-negeri.

INISIATIF 2
Meningkatkan persefahaman dan usaha harmonisasi perundangan dengan agensi-agensi berkepentingan.

02
STRATEGI

MEMANTAPKAN DASAR HAL EHWAL ISLAM

INISIATIF 1
Melestarikan dasar pendidikan Islam bermula pada peringkat prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tinggi.

INISIATIF 2
Memperkemas dasar dan garis panduan pengurusan perkahwinan berlandaskan hukum syarak.

INISIATIF 3
Menambah baik dasar, perundangan, dan piawaian pengurusan halal.

INISIATIF 4
Memperkukuh pengurusan hal ehwal Islam melalui pelaksanaan Maqasid Syariah.

INISIATIF 5
Memperkasakan modul dan pendekatan latihan bagi menjamin kesucian akidah umat Islam

INISIATIF 6
Membangunkan Dasar Penerbitan JAKIM

03
STRATEGI

MEMPERKUKUH PENDIDIKAN DAN ADVOKASI DALAM KALANGAN MASYARAKAT

INISIATIF 1
Jerayawara advokasi undang-undang syariah dan sivil melalui pendekatan kreatif.

INISIATIF 2
Memperkukuh institusi kekeluargaan, sosial dan komuniti ke arah pembinaan ummah yang sejahtera dan harmoni.

INISIATIF 3
Merangka strategi menangani ajaran sesat dan *Islamophobia*.

INISIATIF 4
Memantapkan pendekatan advokasi dan pendidikan akidah bersepadu.

TERAS 2

MEMPERKASAKAN KUALITI TADBIR URUS

Teras Strategik Pemerkasaan Kualiti Tadbir Urus merupakan asas kepada usaha JAKIM dalam merealisasikan misi untuk memperkukuh penyampaian perkhidmatan sebagai agensi peneraju Hal Ehwal Islam di peringkat Persekutuan. Pemerkasaan ini menekankan transformasi menyeluruh terhadap struktur, budaya kerja, proses pengurusan, dan penggunaan teknologi yang meliputi empat (4) strategi dan 13 inisiatif yang melibatkan pemantapan transformasi digital, pembangunan modal insan profesional, pengukuhan integriti dan akauntabiliti, serta pelaksanaan kajian penyelidikan berimpak tinggi.

KEBERHASILAN UTAMA

Tadbir urus JAKIM diperkasa melalui penyampaian perkhidmatan yang konsisten dan berkualiti, pematuhan yang tinggi terhadap peraturan, pengukuhan integriti, di samping memastikan perlindungan data dan keselamatan sistem yang lebih kukuh.

01
STRATEGI

MEMANTAPKAN TRANSFORMASI DIGITAL

INISIATIF 1
Mengoptimumkan sistem penyampaian perkhidmatan melalui integrasi teknologi Kecerdasan Buatan (*AI*) bagi menjamin kecekapan dan kepantasan.

INISIATIF 2
Memperkukuh tadbir urus hal ehwal Islam menerusi pemusatan data dan pembangunan aplikasi digital bersepadu.

INISIATIF 3
Memperkemas pengurusan data dan maklumat organisasi melalui aplikasi sistem digital yang sistematik.

INISIATIF 4
Meluaskan jaringan komunikasi digital di peringkat antarabangsa

02
STRATEGI

MEMBANGUNKAN MODAL INSAN PROFESIONAL

INISIATIF 1
Menambah baik modul latihan dan pembangunan kompetensi berterusan bagi meningkatkan kecekapan dan profesionalisme.

INISIATIF 2
Mengukuhkan pelan penggantian dan pembangunan bakat pegawai berpotensi tinggi sebagai pelapis kepimpinan masa depan.

INISIATIF 3
Mengupayakan bakat dan profesionalisme pegawai.

INISIATIF 4
Menggalakkan budaya inovasi dalam penyampaian perkhidmatan.

INISIATIF 5
Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat.

INISIATIF 6
Memperkukuh ekosistem pembangunan modal insan berteraskan nilai Islam yang inklusif dan mampan.

03
STRATEGI

MENGUKUHKAN INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI

INISIATIF 1
Membudayakan tadbir urus berintegriti melalui pemantapan tatakelola di semua peringkat organisasi.

04
STRATEGI

MEMANTAPKAN TADBIR URUS PENYELIDIKAN BERIMPAK TINGGI

INISIATIF 1
Meningkatkan kerjasama strategik dengan institusi akademik, pusat kajian profesional, dan pakar industri.

INISIATIF 2
Menumpukan penyelidikan kepada isu strategik nasional yang berimpak tinggi termasuk bidang integriti, kesejahteraan rakyat, inovasi perkhidmatan dan kecekapan pentadbiran.

TERAS 3

MENGANTARABANGSAKAN PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM

Usaha JAKIM yang strategik, sistematik, dan berterusan untuk memperluas skop, pengaruh, perkongsian kepakaran, dan pengiktirafan piawaian pengurusan hal ehwal Islam ke peringkat global.

Teras ini mengandungi tiga (3) strategi dan 10 inisiatif yang melibatkan pengukuhan kerjasama strategik dan jaringan antarabangsa dalam memartabatkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan Islam, pemantapan kedudukan JAKIM sebagai pusat rujukan antarabangsa dalam pengurusan hal ehwal Islam, dan pemerkasaan ekosistem inovasi halal nasional.

KEBERHASILAN UTAMA

Mengukur keupayaan JAKIM memimpin hal ehwal Islam di peringkat antarabangsa melalui jaringan strategik, standard, kepakaran global, diplomasi Islam, dan perpaduan secara mampan.

01
STRATEGI

MEMPERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK DAN JARINGAN ANTARABANGSA DALAM MEMARTABATKAN MALAYSIA SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN ISLAM

INISIATIF 1
Memperkukuh jaringan strategik dengan institusi pengajian tinggi antarabangsa dan serantau.

INISIATIF 2
Mengantarabangsakan penerbitan dan wacana Islam.

INISIATIF 3
Mengarusperdanakan nilai Islam di platform antarabangsa.

INISIATIF 4
Memperluas penglibatan Malaysia dalam diplomasi Islam antarabangsa.

02
STRATEGI

MEMANTAPKAN KEDUDUKAN JAKIM SEBAGAI PUSAT RUJUKAN ANTARABANGSA DALAM PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM

INISIATIF 1
Membangunkan Pusat Kecemerlangan Antarabangsa (*International Centre of Excellence*).

INISIATIF 2
Mengukuhkan piawaian Malaysia sebagai penanda aras global.

INISIATIF 3
Membina kompetensi kepakaran pegawai untuk rundingan antarabangsa.

INISIATIF 4
Menjadikan Model Pengurusan Hal Ehwal Islam sebagai rujukan di peringkat global.

03
STRATEGI

MEMPERKASAKAN EKOSISTEM INOVASI HALAL

INISIATIF 1
Membangunkan *Halal Innovation and Technology Center* (HITeC) sebagai pusat inovasi, teknologi dan rujukan halal.

INISIATIF 2
Peluasan skop kaedah analisis halal.

TERAS 4

MENERAJU ISLAH DAN JARINGAN STRATEGIK

Teras ini mengangkat peranan JAKIM sebagai institusi utama dalam menerajui usaha islah, iaitu reformasi dan pembaharuan menyeluruh dalam hal ehwal pentadbiran Islam di Malaysia. Islah dalam konteks ini merangkumi usaha penambahbaikan, pemulihan dan peningkatan berterusan terhadap sistem nilai, amalan masyarakat, dan institusi keagamaan, sejajar dengan prinsip Maqasid Syariah dan kerangka Malaysia MADANI.

Teras ini mempunyai lima (5) strategi dan 13 inisiatif yang merangkumi pengukuhan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah, pengurusan isu sosial dalam kalangan masyarakat, pemerkasaan perpaduan ummah, pengurusan kekeluargaan dan komuniti, serta pengoptimuman kecekapan pengurusan dakwah.

KEBERHASILAN UTAMA

- Memperkukuh pegangan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah melalui program islah berfokus menangani isu sosial dan keruntuhan akhlak masyarakat.
- Memperkasakan perpaduan ummah dan keharmonian antara agama.
- Memantapkan pengurusan kekeluargaan dan pembangunan modal insan berasaskan Maqasid Syariah.

01 STRATEGI

MEMPERKUKUH PEGANGAN AKIDAH AHLI SUNAH WAL JAMAAH BAGI MENJAMIN KESEJAHTERAAN UMMAH TERPELIHARA

INISIATIF 1
Memantapkan profesionalisme pendakwah melalui program latihan dan pembangunan berterusan.

INISIATIF 2
Mengadakan kolaborasi dengan pihak berkepentingan untuk intervensi isu akidah secara bersepadu.

02 STRATEGI

MEMPERKUKUH PENGURUSAN ISU SOSIAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT

INISIATIF 1
Memperkemas modul pembangunan insan untuk melahirkan masyarakat berperadaban tinggi.

INISIATIF 2
Meningkatkan program pengukuhan akhlak berlandaskan nilai-nilai murni.

02 STRATEGI
MEMPERKUKUH PENGURUSAN ISU SOSIAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT

INISIATIF 3
Memperkasa pusat khidmat sosial bagi menyantuni keperluan masyarakat

INISIATIF 4
Menggembleng kolaborasi strategik dengan pihak berkepentingan dalam menangani isu sosial.

03 STRATEGI
MEMPERKASAKAN PERPADUAN UMMAH SEBAGAI PEMANGKIN KEHARMONIAN MASYARAKAT

INISIATIF 1
Memantapkan program perpaduan dalam kalangan umat Islam.

INISIATIF 2
Membina hubungan strategik antara pemimpin agama bagi memperkukuh keharmonian masyarakat.

04 STRATEGI
MEMPERKASAKAN PENGURUSAN KEKELUARGAAN DAN KOMUNITI BERLANDASKAN MAQASID SYARIAH

INISIATIF 1
Memperkukuh pengurusan kekeluargaan pra dan pasca perceraian.

INISIATIF 2
Memantapkan pengurusan komuniti dalam membentuk masyarakat sejahtera.

05 STRATEGI
MENGOPTIMUMKAN KECEKAPAN PENGURUSAN DAKWAH

INISIATIF 1
Memantapkan medium dakwah melalui platform media baharu.

INISIATIF 2
Memantapkan modul latihan dakwah secara berfokus.

INISIATIF 3
Memantapkan kompetensi dan profesionalisme pendakwah.

TERAS 5

MEMPERKASAKAN EKOSISTEM SOSIOEKONOMI UMMAH

Teras ini dirangka khusus untuk menentukan semula peranan JAKIM sebagai pemboleh daya ekonomi (*economic enabler*) yang strategik dalam kerangka Ekonomi MADANI. Pendekatan ini mensinergikan Ekonomi Halal sebagai mekanisme pertumbuhan (*Raising the Ceiling*) dan Kewangan Sosial Islam sebagai jaring keselamatan sosial (*Raising the Floor*).

Teras ini mempunyai dua (2) strategi dan dua (2) inisiatif yang merangkumi pengukuhan ekosistem wakaf, zakat, mal dan haji/umrah dan pemacuan pembangunan keusahawanan halal Bumiputera yang berdaya saing dan mampan.

KEBERHASILAN UTAMA (KPI)

Memastikan pengurusan wakaf dilaksanakan secara cekap dan berimpak melalui Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN), serta memperkukuh Indeks Kecekapan Halal melalui peningkatan kualiti perkhidmatan dan daya saing industri halal tempatan menjelang tahun 2030.

01 STRATEGI

MEMPERKUKUH EKOSISTEM WAKAF, ZAKAT, MAL DAN HAJI/UMRAH

INISIATIF 1
Memperkasakan penyelarasan hal ehwal wakaf, zakat, mal dan haji/umrah di Malaysia.

02 STRATEGI

MEMACU PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN HALAL BUMIPUTERA YANG BERDAYA SAING DAN MAMPAN

INISIATIF 1
Memperkukuh kerjasama dengan agensi berkaitan dalam meningkatkan penyertaan sebagai pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

BAB 4

FAKTOR KEJAYAAN

- Kepimpinan dan Komitmen Pengurusan Tertinggi
- Tadbir Urus Mapan dan Modal Insan Berdaya Saing
- Pendigitalan Bersepadu dan Inovasi dinamik
- Jaringan Strategik dan Penglibatan Kolektif

FAKTOR KEJAYAAN

KEPIMPINAN DAN KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Faktor ini menuntut keselarasan hala tuju, kejelasan mandat serta kesungguhan pemimpin tertinggi Jabatan dalam memacu aspirasi strategik. Keputusan yang konsisten, sokongan dasar yang jelas dan ketegasan dalam penyelarasan tindakan menjadi pemangkin utama keberhasilan pelan.

TADBIR URUS MAPAN DAN MODAL INSAN BERDAYA SAING

Keberkesanan pelan bergantung pada rangka tadbir urus yang mantap, berasaskan integriti, kebertanggungjawaban dan pematuhan standard. Dalam masa yang sama, keupayaan warga kerja yang kompeten, beretika dan berpandangan jauh memastikan pelaksanaan dasar berjalan dengan tepat, cekap dan berimpak.

PENDIGITALAN BERSEPADU DAN INOVASI DINAMIK

Transformasi digital yang terancang membolehkan sistem maklumat disepadukan dengan lebih baik, seterusnya memudahkan analisis data, pemantauan prestasi dan penyampaian perkhidmatan. Budaya inovasi yang progresif pula membuka ruang kepada penyelesaian baharu, lebih responsif terhadap keperluan semasa dan cabaran masa depan.

JARINGAN STRATEGIK DAN PENGLIBATAN KOLEKTIF

Keberhasilan pelan menuntut kerjasama yang tersusun antara bahagian dalaman, agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Agama Negeri, komuniti, serta rakan industri. Penglibatan kolektif ini memperkukuh perkongsian kepakaran, memperluas capaian jaringan strategik dan memastikan dasar yang digubal benar-benar mencerminkan keperluan ummah serta ekosistem nasional.

KEPIMPINAN DAN KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL PELAN STRATEGIK JAKIM 2026–2030

Pelan Strategik JAKIM 2026–2030 meletakkan kepimpinan dan komitmen Pengurusan Tertinggi sebagai faktor kejayaan teras kerana JAKIM berfungsi sebagai agensi penyelaras dasar hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan, dalam landskap perlembagaan yang meletakkan Islam di bawah bidang kuasa negeri. Keadaan ini menuntut kepimpinan yang bukan sahaja berautoriti, tetapi berkeupayaan menyelaras, memandu dan menyatukan pelbagai kepentingan merentas negeri, agensi dan institusi Islam secara konsisten dan berwibawa.

MANDAT KEPIMPINAN JAKIM DI PERINGKAT PERSEKUTUAN

Perutusan Ketua Pengarah JAKIM menegaskan bahawa pelan ini dirangka sebagai dokumen hala tuju strategik berfakta dan berpandangan jauh untuk memposisikan JAKIM sebagai peneraju pengurusan dan pembangunan hal ehwal Islam di Malaysia, dengan penekanan kepada keberkesanan tadbir urus, fungsi dasar dan pemantauan serta pembaharuan penyampaian perkhidmatan Islam secara digital dan inklusif.

Ini secara langsung mengangkat peranan kepimpinan tertinggi sebagai penentu hala tuju nasional, bukan sekadar pentadbir operasi dalaman.

PERANAN KETUA PENGARAH DAN PIMPINAN KANAN SEBAGAI PENENTU HALA TUJU STRATEGIK

Pengurusan Tertinggi dan pimpinan kanan JAKIM berperanan *sebagai strategic integrators* yang memastikan visi, misi dan lima Teras Strategik diterjemahkan secara konsisten ke dalam dasar, program dan inisiatif di seluruh ekosistem JAKIM. Dokumen pelan strategik dengan jelas menyatakan bahawa kejayaan pelaksanaan amat bergantung kepada keselarasan hala tuju, kejelasan mandat dan kesungguhan pemimpin tertinggi dalam memacu aspirasi strategik Jabatan.

Kekuatan Kepimpinan	Jurang Pelaksanaan
Pimpinan kanan JAKIM secara umumnya mempunyai tahap kesiapsiagaan strategik yang tinggi dari segi visi, integriti dan pengalaman, dengan sebahagian besar pengarah kanan memiliki pengalaman perkhidmatan melebihi 20–30 tahun serta kelayakan akademik lanjutan dalam bidang syariah, ekonomi Islam dan pengurusan.	Namun, terdapat jurang pelaksanaan, khususnya dalam aspek pendigitalan bersepadu, mekanisme pemantauan berasaskan data dan pelan pewarisan kepimpinan yang sistematik.

Ini mengukuhkan hujah bahawa kepimpinan strategik tidak memadai dengan visi dan autoriti semata-mata, tetapi memerlukan komitmen berterusan untuk membina sistem sokongan, memperkasa keupayaan organisasi dan memastikan keputusan strategik diterjemah kepada perubahan nyata di peringkat operasi.

AKAUNTABILITI KEPIMPINAN DAN KONSISTENSI KEPUTUSAN

Salah satu dapatan penting daripada dokumen JAKIMForesight (Pegawai) ialah amalan akauntabiliti sedia ada berada pada tahap "mencukupi tetapi belum konsisten sepenuhnya", dengan penilaian dalaman menunjukkan bagi beberapa dimensi tadbir urus, khususnya dokumentasi keputusan, pemantauan prestasi dan pelaporan berasaskan hasil. Keadaan ini meletakkan tanggungjawab besar di bahu Pengurusan Tertinggi untuk menetapkan standard yang jelas dan memimpin melalui teladan (lead by example).

Mandat Jelas	Mekanisme Susulan	Pemantauan Berkala
Setiap keputusan strategik disertakan mandat yang jelas, rujukan dasar atau perundangan yang tepat.	Mekanisme susulan yang boleh diaudit untuk memastikan pelaksanaan berkesan.	Laporan suku tahunan, audit dalaman dan sistem susulan tindakan.

Kepimpinan tertinggi perlu memastikan setiap keputusan strategik disertakan mandat yang jelas, rujukan dasar atau perundangan yang tepat serta mekanisme susulan yang boleh diaudit. Dokumen pegawai mencadangkan keperluan laporan suku tahunan, audit dalaman berkala, pendaftaran konflik kepentingan dan sistem susulan tindakan sebagai mekanisme praktikal untuk memperkukuh akauntabiliti. Tanpa komitmen padu daripada pimpinan tertinggi, inisiatif ini berisiko menjadi garis panduan di atas kertas tanpa penguatkuasaan berkesan.

KONSISTENSI DALAM HUBUNGAN PERSEKUTUAN-NEGERI

Konsistensi keputusan juga kritikal dalam konteks hubungan JAKIM dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri (MAIN). Salah satu ancaman utama ialah pertindihan fungsi dan konflik bidang kuasa, yang hanya boleh ditangani melalui kepimpinan pusat yang tegas, konsisten dan berwibawa. Ini menegaskan bahawa kepimpinan tertinggi JAKIM berperanan sebagai "penjaga keharmonian institusi" yang mengimbangi sensitiviti Persekutuan Negeri demi kepentingan ummah.

PENJAJARAN KEPIMPINAN DENGAN NILAI BERSAMA JAKIM DAN MAQASID

Pelan Strategik JAKIM 2026–2030 secara eksplisit meletakkan nilai bersama JAKIM iaitu amanah, integriti, ihsan, kerjasama dan mardhatillah sebagai teras operasi dan roh pelaksanaan pelan. Kepimpinan tertinggi bertanggungjawab memastikan nilai-nilai ini bukan sekadar slogan, tetapi menjadi penapis utama dalam pembuatan keputusan strategik.

Nilai mardhatillah digariskan sebagai "penapis tertinggi semua keputusan" merentas lima Teras Strategik, memastikan kejayaan pelan bukan sahaja diukur melalui output dan KPI, tetapi juga keberkatan dan kemaslahatan jangka panjang kepada ummah.

Dalam konteks ini, kepimpinan tertinggi perlu memastikan setiap inisiatif sama ada dalam bidang halal, dakwah, penyelidikan atau pengantarabangsaan selari dengan maqasid syariah, khususnya pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Pelaksanaan pelan ini melibatkan 16 agensi dan institusi merangkumi Ibu Pejabat JAKIM, JAKIM Sabah, JAKIM Sarawak, masjid dan institusi latihan. Skala dan kerumitan ini menuntut kepimpinan berasaskan nilai yang kukuh bagi mengelakkan fragmentasi dasar, ketirisan sumber dan konflik kepentingan.

KEPIMPINAN SEBAGAI PEMANGKIN KEJAYAAN DASAR DAN INISIATIF UMMAH

Pelan Strategik JAKIM menekankan bahawa kejayaan dasar dan inisiatif ummah bergantung kepada pendekatan pelaksanaan yang kolaboratif, bukannya silo, dengan sinergi antara agensi Persekutuan, Negeri, institusi agama, akademia dan sektor industri. Di sinilah peranan kepimpinan tertinggi menjadi pemangkin utama dan bukan sahaja sebagai pembuat dasar, tetapi sebagai pemudah cara kerjasama strategik.

Pendigitalan Ekosistem Halal	Harmonisasi Tadbir Urus	Diplomasi Halal
Memerlukan mandat jelas dan sokongan dasar berterusan	Kewangan sosial Islam memerlukan keputusan strategik konsisten	Bernilai tinggi di peringkat nasional dan antarabangsa

Inisiatif besar seperti pendigitalan ekosistem halal, harmonisasi tadbir urus kewangan sosial Islam dan diplomasi halal bernilai tinggi memerlukan mandat jelas, sokongan dasar berterusan dan keputusan strategik yang konsisten di peringkat tertinggi. Tanpa komitmen kepimpinan tertinggi, inisiatif berskala nasional dan antarabangsa ini berisiko berdepan kelewatan, rintangan perubahan dan kekangan sumber.

KESIMPULAN STRATEGIK

Secara keseluruhannya, kepimpinan dan komitmen Pengurusan Tertinggi merupakan prasyarat asas kepada kejayaan Pelan Strategik JAKIM 2026–2030. Dokumen perancangan dan *foresight* JAKIM secara konsisten menunjukkan bahawa kekuatan utama institusi terletak pada visi, integriti dan pengalaman pimpinan, manakala cabaran utama berpunca daripada jurang pelaksanaan, konsistensi keputusan dan pemantauan berasaskan data.

Dengan kepimpinan yang jelas mandatnya, tinggi akauntabilitinya dan kukuh penjajarannya dengan nilai MADANI serta maqasid syariah, JAKIM berupaya memastikan dasar, program dan inisiatif ummah dilaksanakan secara berkesan, berimpak dan lestari, sekali gus memperkukuh reputasi JAKIM sebagai peneraju hal ehwal Islam di peringkat nasional dan global.

TADBIR URUS MAPAN DAN MODAL INSAN BERDAYA SAING

FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL PELAN STRATEGIK JAKIM 2026–2030

Pelaksanaan Pelan Strategik JAKIM 2026–2030 menuntut satu kerangka tadbir urus yang mapan, jelas dan berfungsi merentas keseluruhan organisasi. Dalam konteks JAKIM sebagai peneraju pengurusan hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan, tadbir urus bukan sekadar mekanisme pentadbiran, tetapi merupakan instrumen strategik untuk memastikan dasar, program dan inisiatif ummah dilaksanakan secara teratur, patuh undang-undang, berintegriti dan berimpak tinggi.

TADBIR URUS SEBAGAI TULANG BELAKANG PELAKSANAAN STRATEGIK

Dokumen perancangan strategik dan dapatan *foresight* melibatkan kumpulan Pengarah dan Pegawai JAKIM secara konsisten menekankan bahawa kekuatan pelaksanaan bergantung kepada kejelasan struktur, ketegasan peranan serta disiplin pematuhan di semua peringkat organisasi.

Struktur organisasi JAKIM yang merangkumi pelbagai bahagian teras daripada dasar, dakwah, halal, penyelidikan, pendidikan, pengurusan masjid, sehingga fungsi sokongan seperti kewangan, sumber manusia dan pengurusan maklumat memerlukan penyelarasan yang tinggi. Dapatan daripada dokumen *foresight* pegawai menunjukkan bahawa walaupun struktur sedia ada difahami secara umum, masih wujud pertindihan fungsi dan kekaburan peranan dalam beberapa proses rentas bahagian, khususnya dalam pelaksanaan inisiatif berskala nasional yang melibatkan pelbagai pemilik proses. Justeru, kejelasan struktur dan pemetaan peranan yang tegas menjadi prasyarat kepada tadbir urus mapan.

KEJELASAN PERANAN, SOP DAN PENYELARASAN MERENTAS BAHAGIAN

Tadbir urus mapan dalam konteks JAKIM bermula dengan kejelasan mandat setiap bahagian dan keseragaman Prosedur Operasi Standard (SOP) merentas organisasi. Dokumen pengarah menunjukkan bahawa SOP yang mantap dan dikemas kini secara berkala berupaya mengurangkan risiko ketidakpatuhan, mempercepat proses membuat keputusan dan meningkatkan konsistensi pelaksanaan dasar di peringkat pusat, negeri dan institusi berkaitan. Namun, dapatan *foresight* juga menunjukkan bahawa tahap pematuhan SOP masih berbeza-beza antara bahagian, bergantung kepada keupayaan pengurusan, beban kerja dan tahap kefahaman pegawai terhadap rasional SOP tersebut.

Kejelasan Struktur	SOP Mantap	Penyelarasan Tinggi
Pemetaan peranan yang tegas merentas bahagian teras dan sokongan.	Prosedur operasi standard yang dikemas kini secara berkala.	Koordinasi berkesan untuk inisiatif berskala nasional.

Dalam pelaksanaan Pelan Strategik 2026–2030, keperluan penyelarasan merentas bahagian menjadi semakin kritikal kerana hampir semua Teras Strategik sama ada pemerkasaan perundangan Islam, pengantarabangsaan, jaringan strategik atau pengukuhan sosioekonomi ummah memerlukan kerjasama pelbagai fungsi. Tanpa tadbir urus yang jelas dan mekanisme koordinasi yang berkesan, inisiatif berisiko menjadi terasing (*silo-based*), sekali gus menjejaskan impak keseluruhan kepada ummah.

PEMATUHAN PERATURAN DAN PENGURUSAN RISIKO INSTITUSI

Aspek pematuhan peraturan dan pengurusan risiko merupakan elemen utama tadbir urus mapan. JAKIM beroperasi dalam persekitaran yang sensitif dari sudut perundangan, agama dan persepsi awam. Sebarang kelemahan dalam pematuhan boleh memberi implikasi besar terhadap kredibiliti institusi. Dokumen *foresight* pengarah mengenal pasti bahawa risiko utama yang perlu ditangani secara sistematik termasuk risiko reputasi, risiko ketidakselarasan dasar Persekutuan - Negeri, risiko kewangan serta risiko ketirisan integriti.



Dalam konteks ini, pengukuhan fungsi pemantauan, audit dalaman dan pengurusan risiko bukan lagi pilihan, tetapi keperluan strategik. Dapatan daripada dokumen pegawai menunjukkan bahawa walaupun mekanisme kawalan wujud, keberkesanannya sangat bergantung kepada komitmen kepimpinan bahagian dan budaya organisasi. Tadbir urus mapan hanya dapat dicapai apabila pematuhan dilihat sebagai tanggungjawab bersama, bukan beban pentadbiran semata-mata.

BUDAYA INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI SEBAGAI TERAS TADBIR URUS

Budaya integriti dan akauntabiliti merupakan roh kepada tadbir urus mapan. Pelan Strategik JAKIM secara jelas meletakkan nilai amanah, integriti dan ihsan sebagai asas operasi organisasi. Namun, dokumen foresight menunjukkan bahawa penghayatan nilai ini perlu diperkukuh secara berterusan melalui kepimpinan teladan, sistem penilaian prestasi yang adil serta tindakan tegas terhadap salah laku.

Nilai Teras

- Amanah
- Integriti
- Ihsan

Mekanisme Pengukuhan

- Kepimpinan teladan
- Sistem penilaian prestasi adil
- Tindakan tegas terhadap salah laku

Akauntabiliti dalam konteks JAKIM bukan sahaja melibatkan pematuhan prosedur, tetapi juga kebertanggungjawaban terhadap hasil dan impak kepada ummah. Dapatan pengarah menunjukkan keperluan untuk mengalihkan fokus daripada pengukuran output semata-mata kepada penilaian keberhasilan (*outcomes*), termasuk kesejahteraan sosial, keharmonian masyarakat dan keyakinan awam terhadap institusi Islam. Ini menuntut sistem pelaporan yang lebih telus dan berorientasikan impak, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

MODAL INSAN SEBAGAI PEMANGKIN KEUPAYAAN INSTITUSI

Di samping tadbir urus mapan, Pelan Strategik JAKIM 2026–2030 meletakkan modal insan berdaya saing sebagai faktor kejayaan kritikal. Dokumen pengarah dan pegawai menunjukkan bahawa kekuatan sebenar JAKIM terletak pada kualiti pegawainya, yang majoritinya mempunyai latar belakang ilmu syariah, pengalaman perkhidmatan awam dan komitmen tinggi terhadap misi agama. Namun, perubahan persekitaran strategik termasuk pendigitalan, pengantarabangsaan dan jangkaan masyarakat yang semakin kompleks menuntut set kompetensi yang lebih luas dan dinamik.

Pembangunan kompetensi pegawai tidak lagi boleh terhad kepada penguasaan ilmu syariah semata-mata. Dokumen foresight pegawai menekankan keperluan memperkukuh profesionalisme, kemahiran kepimpinan, pemikiran strategik, komunikasi awam serta keupayaan mengurus perubahan. Tanpa pelaburan berterusan dalam pembangunan modal insan, keupayaan JAKIM untuk melaksanakan peranan nasional akan terhad, walaupun dasar dan struktur tadbir urus telah tersedia.

PEMBINAAN KEPIMPINAN DAN KEUPAYAAN STRATEGIK PEGAWAI

Salah satu dapatan penting daripada dokumen gabungan pengarah dan pegawai ialah keperluan pelan pembangunan kepimpinan yang lebih sistematik. Walaupun ramai pegawai kanan mempunyai pengalaman panjang, cabaran masa hadapan memerlukan barisan pelapis yang bukan sahaja mahir dari sudut teknikal, tetapi mampu berfikir secara strategik dan merentas disiplin. Pelan Strategik 2026–2030 memberi isyarat jelas bahawa pembangunan kepimpinan dan keupayaan strategik pegawai merupakan pelaburan jangka panjang yang kritikal.

1 **Latihan Berstruktur**
Program latihan yang diselaraskan dengan keperluan strategik organisasi.

2 **Pendedahan Silang**
Penugasan merentas bahagian untuk pemahaman holistik.

3 **Pembelajaran Berterusan**
Peningkatan kompetensi secara berterusan dan sistematik.

Latihan, pendedahan silang bahagian, penugasan strategik dan pembelajaran berterusan perlu dirangka secara berstruktur agar pegawai mampu menyokong pelaksanaan dasar berskala nasional, berinteraksi dengan pemegang taruh antarabangsa dan mengurus isu-isu ummah yang semakin kompleks. Dapatan dokumen menunjukkan bahawa institusi latihan di bawah JAKIM mempunyai potensi besar untuk menjadi pemangkin kepada agenda ini, sekiranya disepadukan dengan keperluan strategik sebenar organisasi.



KESIMPULAN STRATEGIK

Secara keseluruhan, tadbir urus mapan dan modal insan berdaya saing merupakan asas yang menentukan sama ada Pelan Strategik JAKIM 2026–2030 mampu dilaksanakan dengan berkesan atau sebaliknya. Dokumen *foresight* pengarah dan pegawai secara konsisten menunjukkan bahawa struktur dan dasar sahaja tidak mencukupi tanpa pematuhan yang kukuh, budaya integriti yang hidup serta pegawai yang kompeten dan berfikiran strategik.



Dengan memperkukuh tadbir urus merentas bahagian dan melabur secara serius dalam pembangunan modal insan, JAKIM bukan sahaja dapat memastikan pelaksanaan pelan berjalan secara teratur dan patuh, tetapi juga memperkasa peranannya sebagai institusi Islam nasional yang berwibawa, mampan dan berimpak tinggi kepada kesejahteraan ummah.

"Struktur dan dasar sahaja tidak mencukupi tanpa pematuhan yang kukuh, budaya integriti yang hidup serta pegawai yang kompeten dan berfikiran strategik."

KERANGKA PELAKSANAAN BERSEPADU

Kejayaan Pelan Strategik 2026–2030 memerlukan integrasi menyeluruh antara tadbir urus mapan dan modal insan berdaya saing, disokong oleh mekanisme pemantauan berterusan dan sistem pelaporan berorientasikan impak yang selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.



Tadbir Urus

Struktur jelas, SOP mantap, pematuhan kukuh



Perpaduan

Budaya integriti menyokong pelaksanaan



Modal Insan

Kompetensi luas, kepimpinan strategik



Pembelajaran

Pembelajaran berterusan untuk impak

PENDIGITALAN BERSEPADU DAN INOVASI DINAMIK

FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL PELAN STRATEGIK JAKIM 2026–2030

Pendigitalan bersepadu dikenal pasti sebagai salah satu faktor kejayaan kritikal dalam memastikan Pelan Strategik JAKIM 2026–2030 dapat dilaksanakan dengan cekap, telus dan berimpak tinggi. Dalam konteks mandat JAKIM sebagai badan autoritatif hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan, pendigitalan bukan sekadar usaha memodenkan sistem, tetapi merupakan instrumen strategik untuk memperkukuh tadbir urus, mempercepat penyampaian perkhidmatan dan meningkatkan keyakinan awam.

PENDIGITALAN SEBAGAI PEMANGKIN KECEKAPAN DAN KETELUSAN

Dokumen *foresight* yang melibatkan kumpulan Pengarah dan Pegawai JAKIM secara konsisten menunjukkan bahawa kebergantungan kepada proses manual dan sistem yang terpisah telah menjadi antara kekangan utama kepada kecekapan operasi serta keberkesanan pelaksanaan dasar merentas bahagian.

Integrasi Sistem Maklumat Merentas Bahagian

Salah satu teras utama pendigitalan bersepadu ialah integrasi sistem maklumat merentas semua bahagian JAKIM. Dokumen pengarah menegaskan bahawa pelaksanaan Pelan Strategik 2026–2030 memerlukan keupayaan organisasi untuk melihat gambaran keseluruhan prestasi secara masa nyata, merentas Teras Strategik dan fungsi organisasi.

Pengurusan Data dan Pemantauan Prestasi Berasaskan Bukti

Pendigitalan bersepadu turut memberi penekanan kepada pengurusan data yang berstruktur dan pemantauan prestasi berasaskan bukti. Dokumen pegawai menunjukkan bahawa sebelum ini, penilaian keberhasilan program banyak bergantung kepada laporan naratif dan indikator output asas.

Dapatan daripada dokumen pegawai menunjukkan bahawa sebahagian besar proses kerja teras JAKIM termasuk pengurusan maklumat, penyelarasan program, pelaporan prestasi dan komunikasi rentas unit masih dilaksanakan secara berasingan mengikut bahagian. Keadaan ini bukan sahaja melambatkan proses membuat keputusan, malah meningkatkan risiko ketidaktepatan data dan ketidakselarasan maklumat. Oleh itu, pendigitalan bersepadu dilihat sebagai keperluan mendesak untuk mewujudkan satu ekosistem kerja yang lebih lancar, konsisten dan berasaskan data.

RANGKA KERJA TRANSFORMASI DIGITAL JAKIM



Aplikasi

Sistem pengurusan dan perkhidmatan digital

Integrasi Data

Penyepaduan maklumat merentas bahagian

Infrastruktur

Sistem dan teknologi asas

Tanpa integrasi sistem, data prestasi, status pelaksanaan program dan maklum balas pemegang taruh akan kekal terpisah, sekali gus menyukarkan pemantauan dan penyelarasan strategik di peringkat pengurusan tertinggi.

Dapatan *foresight* menunjukkan bahawa integrasi sistem berpotensi mengurangkan pertindihan kerja, mempercepat aliran maklumat dan menyokong keputusan berasaskan bukti. Dalam jangka sederhana, penyepaduan sistem pengurusan maklumat, kewangan, sumber manusia dan pelaporan program dijangka dapat meningkatkan kecekapan operasi serta mengurangkan kos pentadbiran. Lebih penting, integrasi ini membolehkan JAKIM bertindak secara lebih proaktif dalam menangani isu-isu ummah, kerana maklumat yang tepat dan terkini dapat diakses dengan pantas oleh pihak berkaitan.

Pendekatan ini menyukarkan penilaian sebenar impak program terhadap kesejahteraan ummah. Pelan Strategik 2026–2030 menggariskan keperluan untuk beralih kepada pendekatan yang lebih sistematik, di mana data digunakan sebagai asas penilaian, penambahbaikan dan perancangan masa hadapan.

Dapatan pengarah menunjukkan bahawa pemantauan prestasi yang berkesan memerlukan data yang konsisten, boleh dipercayai dan mudah dianalisis. Pendigitalan membolehkan penetapan penunjuk prestasi yang lebih jelas serta pemantauan berterusan terhadap pencapaian Teras Strategik JAKIM. Ini bukan sahaja meningkatkan akauntabiliti dalaman, malah mengukuhkan kepercayaan pemegang taruh terhadap keupayaan JAKIM mengurus sumber awam dan melaksanakan mandat nasional secara berkesan.

INOVASI DINAMIK BERFOKUSKAN KEPERLUAN UMMAH

Di samping pendigitalan, inovasi dinamik dikenal pasti sebagai pemangkin kepada peningkatan kualiti perkhidmatan Islam. Dokumen *foresight* pengarah dan pegawai menegaskan bahawa masyarakat kini menuntut perkhidmatan yang lebih pantas, mudah diakses dan relevan dengan realiti semasa. Inovasi dalam penyampaian perkhidmatan sama ada dalam dakwah, pendidikan, pengurusan masjid atau perkhidmatan halal perlu berpaksikan keperluan sebenar ummah, bukan semata-mata penambahbaikan dalaman.

RANGKA KERJA INOVASI BERPUSATKAN UMMAH



Manfaat Jangka Pendek	Manfaat Jangka Panjang
• Peningkatan tahap kepuasan pengguna perkhidmatan JAKIM	• Pengukuhan imej institusi sebagai organisasi Islam yang progresif
• Penyampaian perkhidmatan yang lebih pantas dan mudah diakses	• Peningkatan reputasi JAKIM di peringkat nasional dan antarabangsa
• Maklum balas yang lebih cekap terhadap keperluan semasa ummah	• Penyokong aspirasi pengantarabangsaan pengurusan hal ehwal Islam Malaysia

Dapatan menunjukkan bahawa pendekatan inovatif yang responsif dapat meningkatkan tahap kepuasan pengguna perkhidmatan JAKIM serta memperkukuh imej institusi sebagai organisasi Islam yang progresif dan dipercayai. Dalam jangka panjang, inovasi dinamik yang disokong oleh pendigitalan bersepadu akan memperkukuh reputasi JAKIM di peringkat nasional dan antarabangsa, selari dengan aspirasi pengantarabangsaan pengurusan hal ehwal Islam Malaysia.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, pendigitalan bersepadu dan inovasi dinamik merupakan faktor kejayaan kritikal yang menyokong kecekapan operasi, ketelusan tadbir urus dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan Islam oleh JAKIM. Berdasarkan dapatan dokumen gabungan pengarah dan pegawai, jelas bahawa transformasi digital yang terancang, disokong oleh integrasi sistem, pengurusan data berstruktur dan inovasi berfokuskan ummah, akan menjadi pemacu utama kejayaan Pelan Strategik JAKIM 2026–2030 serta memperkukuh peranan JAKIM sebagai institusi Islam nasional yang berwibawa dan berimpak.



JARINGAN STRATEGIK DAN PENGLIBATAN KOLEKTIF

FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL PELAN STRATEGIK JAKIM 2026–2030

Memperkukuh Peranan JAKIM dalam Ekosistem Hal Ehwal Islam

KEPERLUAN PENDEKATAN KOLABORATIF YANG MENYELURUH

Jaringan strategik dan penglibatan kolektif merupakan faktor kejayaan kritikal yang menentukan keupayaan JAKIM melaksanakan mandatnya sebagai peneraju pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia. Dalam konteks Pelan Strategik JAKIM 2026–2030, kejayaan tidak lagi boleh dicapai melalui pendekatan silo atau kebergantungan kepada kapasiti dalaman semata-mata. Sebaliknya, dokumen gabungan Pengarah dan Pegawai JAKIM menunjukkan keperluan jelas untuk pendekatan kolaboratif yang menyeluruh, merangkumi agensi kerajaan, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), institusi Islam, NGO, komuniti akar umbi serta rakan strategik di peringkat antarabangsa.

Dapatan *foresight* menunjukkan bahawa banyak isu ummah seperti keharmonian sosial, pengurusan masjid, kebajikan keluarga, pendidikan Islam dan pembangunan sosioekonomi bersifat rentas bidang serta merentas bidang kuasa. Oleh itu, JAKIM perlu berperanan sebagai penyelaras nasional yang menghubungkan pelbagai pihak, memastikan kesepaduan dasar, penyelarasan program dan keseragaman mesej Islam yang berlandaskan Ahli Sunah Wal Jamaah.

RANGKA KERJA EKOSISTEM KOLABORATIF JAKIM



KERJASAMA STRATEGIK MERENTAS INSTITUSI DAN BIDANG

Kerjasama strategik dengan agensi kerajaan persekutuan dan negeri dikenal pasti sebagai pemangkin utama keberkesanan pelaksanaan dasar Islam. Dokumen pengarah menegaskan bahawa penjajaran dasar antara JAKIM, MAIN, kementerian dan agensi berkaitan amat penting bagi mengelakkan pertindihan program serta memastikan sumber dimanfaatkan secara optimum. Dalam konteks ini, peranan JAKIM bukan sekadar pelaksana, tetapi sebagai pemudah cara dan rujukan utama dalam merangka pendekatan Islam yang holistik dan inklusif.

Selain itu, kerjasama dengan institusi Islam seperti masjid, pusat latihan, institusi pendidikan dan NGO Islam membolehkan JAKIM menyalurkan dasar dan inisiatif strategik terus ke peringkat akar umbi. Dapatan pegawai menunjukkan bahawa program yang dilaksanakan secara kolaboratif mempunyai kadar penerimaan masyarakat yang lebih tinggi serta impak yang lebih mampan. Pendekatan ini selari dengan Teras Strategik JAKIM yang menekankan perpaduan ummah, pengukuhan ekosistem sosioekonomi dan peneraju islah masyarakat.

Penjajaran Dasar	Penyelarasan Program	Keseragaman Mesej
Kesepaduan dasar antara JAKIM, MAIN, kementerian dan agensi berkaitan	Mengelakkan pertindihan dan memastikan penggunaan sumber optimum	Mesej Islam berlandaskan Ahli Sunah Wal Jamaah

PENGLIBATAN INKLUSIF DAN PERANAN GLOBAL

PENGLIBATAN MASYARAKAT PELBAGAI KAUM DAN ANTARA AGAMA

Penglibatan kolektif tidak terhad kepada komuniti Islam semata-mata. Dokumen *foresight* menegaskan bahawa JAKIM perlu memainkan peranan lebih aktif dalam memupuk keharmonian sosial melalui dialog, kefahaman dan kerjasama antara agama. Dalam masyarakat majmuk Malaysia, pendekatan yang inklusif dan berhemah amat penting bagi mengelakkan salah faham serta memperkukuh perpaduan nasional.

Dapatan pengarah menunjukkan bahawa penglibatan masyarakat pelbagai kaum dan antara agama dapat meningkatkan persepsi positif terhadap Islam serta memperkukuh imej JAKIM sebagai institusi yang progresif, berimbang dan berorientasikan kesejahteraan bersama. Melalui pendekatan ini, JAKIM bukan sahaja menjaga kepentingan ummah, tetapi turut menyumbang kepada kestabilan sosial dan keharmonian negara secara keseluruhan.

RANGKA KERJA PENGLIBATAN ANTARA AGAMA

1

Dialog Berstruktur
Memperluaskan platform dialog antara kaum dan agama yang berterusan dan berstruktur

2

Pembinaan Kefahaman
Meningkatkan kefahaman bersama melalui pendidikan dan komunikasi

3

Kerjasama Praktikal
Melaksanakan program bersama untuk kesejahteraan masyarakat majmuk

4

Pemantauan Impak
Menilai keberkesanan inisiatif dalam memperkukuh perpaduan nasional

JAKIM SEBAGAI RUJUKAN NASIONAL DAN ANTARABANGSA

Di peringkat antarabangsa, jaringan strategik membuka ruang kepada JAKIM untuk memainkan peranan sebagai rujukan global dalam pengurusan hal ehwal Islam. Dokumen pengarah menekankan potensi Malaysia, melalui JAKIM, untuk berkongsi amalan terbaik dalam tadbir urus Islam, pengurusan halal, pendidikan dan dakwah. Kerjasama dengan badan antarabangsa, institusi Islam luar negara dan organisasi serantau bukan sahaja meningkatkan kredibiliti JAKIM, malah memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai contoh negara Islam progresif.

Dalam jangka panjang, jaringan strategik yang kukuh akan membolehkan JAKIM mempengaruhi wacana Islam global secara lebih berkesan, di samping membawa pulang ilmu, pengalaman dan inovasi yang boleh dimanfaatkan untuk kesejahteraan ummah di dalam negara.

Bidang Kerjasama Antarabangsa

- Tadbir urus Islam
- Pengurusan halal
- Pendidikan Islam
- Dakwah sederhana
- Pengurusan masjid
- Pembangunan sosioekonomi ummah

Manfaat Strategik

- Peningkatan kredibiliti JAKIM
- Kedudukan Malaysia sebagai rujukan Islam progresif
- Pengaruh dalam wacana Islam global
- Perkongsian ilmu dan inovasi
- Perkongsian amalan terbaik
- Pengukuhan reputasi institusi

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, jaringan strategik dan penglibatan kolektif merupakan faktor kejayaan kritikal yang memperkukuh keupayaan JAKIM melaksanakan Pelan Strategik 2026–2030. Berdasarkan dapatan gabungan pegawai dan pengarah, jelas bahawa pendekatan kolaboratif, inklusif dan berorientasikan perkongsian nilai akan menjadi pemangkin utama kepada perpaduan ummah, keharmonian sosial serta pengukuhan reputasi JAKIM sebagai institusi Islam yang berwibawa di peringkat nasional dan global.



BAB 5

KESIMPULAN

- Penutup
- Glosari

PENUTUP

Pelan Strategik JAKIM 2026–2030 disediakan bagi menetapkan hala tuju Jabatan secara jelas serta merumus rangka tindakan strategik dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan hal ehwal Islam. Dokumen ini berperanan sebagai rujukan utama dalam penjajaran dasar, pengukuhan tadbir urus dan penyelarasan fungsi strategik Jabatan selaras dengan keperluan semasa serta aspirasi nasional.

Pelan ini menggariskan lima (5) teras strategik, (17) strategi dan (50) inisiatif yang akan dipacu melalui pendekatan berasaskan data, pemantauan berstruktur dan penilaian berterusan. Keseluruhan inisiatif ini dirangka untuk mempertingkatkan keberkesanan sistem penyampaian, memantapkan pengurusan sumber, memperkukuh kapasiti organisasi serta mengoptimumkan nilai tambah perkhidmatan yang menjadi mandat JAKIM.

Sebagai dokumen strategik yang responsif dan berorientasikan hasil, pelan ini menjadi asas pengoperasian Jabatan bagi tempoh lima tahun mendatang. Sehubungan itu, seluruh warga JAKIM disarankan untuk melaksanakan peranan masing-masing dengan tumpuan yang konsisten dan tindakan bersepadu demi memastikan pencapaian visi dan misi Jabatan serta memenuhi keutamaan dasar negara dalam pengurusan hal ehwal Islam.



GLOSARI

JAKIM	: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KPI	: *Key Performance Indicator*
MKI	: Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia
BAHEIS	: Bahagian Hal Ehwal Islam
PADU	: Pangkalan Data Utama
eKasih	: Pangkalan Data Kemiskinan Nasional
LEPAI	: Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam
JPM	: Jabatan Perdana Menteri
MAIN	: Majlis Agama Islam Negeri
JAIN	: Jabatan Agama Islam Negeri
NGO	: *Non-Governmental Organisation*
SIMPENI	: Sistem Maklumat Pendidikan Islam
DMS	: Dokumen Maqasid Syariah
JAWHAR	: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
AI	: *Artificial Intelligence*
OIC	: *Organisation of Islamic Cooperation*
ASEAN	: *Association of Southeast Asian Nations*
ILIM	: Institut Latihan Islam Malaysia
IPDAS	: Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah
IKMAS	: Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak
HEI	: Hal Ehwal Islam
PESTEL	: *Political, Economy, Social, Technological, Environmental and Legal*
ESG	: *Environmental, Social, and Governance*
SPHM	: Sijil Pengesahan Halal Malaysia
GLC	: *Government Link Company*
RMK-13	: Rancangan Malaysia Ke-13
KDNK	: Keluaran Dalam Negara Kasar
MNC	: *Multinational Corporation*
PMKS	: Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
HIMP 2030	: *Halal Industry Master Plan*
MARA	: Majlis Amanah Rakyat
TEKUN	: Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga
ICT	: *Information and Communication Technology*
SPPIM	: Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia
JPN	: Jabatan Pendaftaran Negara
HITeC	: *Halal Industry Technology*
KP	: Ketua Pengarah



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 Putrajaya

03-8870 7000 www.islam.gov.my